

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK MOHD ZAIDI BIN ALI

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM PERMAINAN GASING

NUR FILZAH BINTI MOHD ZAIDI

(2020968473)

NOR NASRIN NISA BINTI NORDIN

(2020968585)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021 – JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
Nombor Roman	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan kata	i-vi
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3-4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5-9
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	10-13
5.0	Transkrip Temu bual Bersama Tokoh	14-55
6.0	Log Temu bual	56-65
7.0	Ralat	66
8.0	Glosari	67-71
9.0	Indeks	72-76
10.0	Bibliografi	77-82
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	83-101

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan mengenai latar belakang seorang tokoh gasing yang terkenal dan berpengalaman di negeri Melaka. Transkrip ini ingin mengungkap pengalaman tokoh iaitu Encik Mohd Zaidi bin Ali yang berasal dari negeri Melaka. Oleh kerana ramai kalangan di generasi muda sekarang yang tidak mengetahui tentang permainan gasing ini adalah antara permainan tradisional yang sering dimainkan oleh orang terdahulu. Tambahan itu, transkrip ini akan membincangkan tentang gasing dengan lebih mendalam untuk mengetahui tentang asal-usul gasing di Malaysia, cara pembuatan gasing yang jarang diketahui, cara permainan gasing dimainkan dan tentang pendapat tokoh tersendiri mengenai gasing di Malaysia. Akan tetapi, ia bukan sahaja menyentuh mengenai gasing malahan sedikit tentang latar belakang tokoh dan sejarah bagaimana tokoh memulakan penglibatan beliau di dalam bidang gasing. Selain daripada itu, temu bual ini juga ingin mengungkap perasaan tokoh sepanjang bergiat dalam bidang gasing, perasaan tokoh apabila menerima penghargaan dan kemenangan. Kajian ini difokuskan kepada para pengkaji ataupun penyelidik, pelajar serta orang awam. Oleh yang demikian, kami berharap kajian yang dilakukan bersama-sama tokoh gasing ini dapat memberi pencerahan kepada para pembaca terutama generasi muda mengenai permainan tradisional gasing yang masih wujud di Malaysia.

Kata kunci: gasing, pengadil, pembuatan gasing, permainan gasing, asal usul gasing

ABSTRACT

This transcript is discussing the background of a well-known and experienced top figure in the state of Malacca. This transcript would like to reveal the experience of a figure, Encik Mohd Zaidi bin Ali who hails from the state of Malacca. Nowadays, many individuals, particularly the younger generation, are unaware of the existence of traditional games that were popular among people in the past. Furthermore, this transcript will explore gasing in greater detail to learn about the roots of gasing in Malaysia, how to manufacture gasing that are seldom recognized, how the game of gasing is played, and personal figures' thought about gasing in Malaysia. However, it does not only touch on the gasing but also a little about the figure's past and the history of how the figures got involved. Aside from that, this interview aims to expose the figures' sentiments while working in the world of gasing, as well as their feelings after earning honour and triumphs. This research is aimed towards academics, students, and the public. As a result, we hope that the research performed in collaboration with this high figure would inform readers, particularly the younger generation.

Keywords: gasing, tops, traditional games, history of gasing

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kami menyiapkan dan menyempurnakan tugas wawancara bagi kursus IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah dipilih ini pada masa yang telah ditetapkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Zaidi bin Ali kerana telah memberikan kerjasama sepenuhnya sebelum dan semasa melakukan sesi temu bual dengan meluangkan masa berkongsi pengalaman dan berkongsi kisah beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang gasing.

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang mengajar subjek IMR604 (Oral Documentation). Beliau seorang pensyarah yang bertanggungjawab dan sangat komited dalam membantu para pelajar menyiapkan tugas. Beliau sangat membantu dalam memberikan penyelesaian tanda tanya para pelajar. Beliau juga telah memberikan garis panduan yang sangat lengkap untuk menyiapkan transkrip. Dengan bimbingan yang telah beliau bagi telah membantu kami para pelajar menyiapkan tugas dengan mudah.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekelas kerana telah membantu dan memberi tunjuk ajar serta pandangan kepada kami secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan tugas ini. Segala bantuan anda amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
JKR	Jabatan Kerja Raya
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
UPM	Universiti Putra Malaysia
FELDA	Federal Land Development Authority
NGO	Non-governmental Organization

SENARAI SINGKATAN

MZA: MOHD ZAIDI BIN ALI

NNN: NOR NASRIN NISA BINTI NORDIN

NFMZ: NUR FILZAH BINTI MOHD ZAIDI

RUJUKAN KATA

Ajor	Ajar
Amik	Ambil
Ataupon	Ataupun
Bakau	Bakar
Bape	Berapa
Belajau	Belajar
Berdesup	Pantas/ Laju
Besau	Besar
Bijik	Biji
Bukak	Buka
Cape/ Sape	Siapa
Dengor	Dengar
Diaorang	Mereka
Gemok	Gemuk
Gosak	Rosak
Harge	Harga
Inggit	Ringgit
Je	Sahaja
Jugak/ Jugek	Juga
Kapek	Koyak/ Rosak
Kederat	Kudrat
Keligatan	Ligat
Keluar	Keluar
Kengkawan	Mereka
Kesah	Kisah
Kesenambungan	Kesinambungan
Kire	Kira
Korang	Kalian
Kuang	Kurang
Mane	Mana
Mengajor	Mengajar

Menjuara	Menjuarai
Menyeburi	Menceburi
Milih	Pilih
Mughah	Murah
Ni	Ini
Niayi	Ini hari
Nijam	Sekarang
Pagau	Pagar
Pape	Apa-apa
Pastu	Selepas itu
Pemangkah	Orang yang memangkah
Pencatit	Pencatat
Pon	Pun
Pulak	Pula
Punye	Punya
Saje	Sahaja
Sape	Siapa
Sebenaunya/Sebenanya	Sebenarnya
Semahyang	Sembahyang
Seminima	Seminimum
Takda/ Takde	Tiada
Tengkok	Tengkuk
Tiak	Teriak/ Panggil
Tiap-tiap	Setiap
Tokleh	Tak boleh
Tu	Itu
Tukau	Tukar

**BIODATA
PENEMUBUAL**

1.1 BIODATA PENEMUBUAL



Nama	Nor Nasrin Nisa Binti Nordin
Tarikh Lahir	12 Oktober 1999
Tempat Lahir	Klinik Bersalin Wanita Kuala Pilah
Alamat	No 26 Batu 37 Kampung Serting Ilir 72100 Bahau Negeri Sembilan
Email	Nasrinnisaa@gmail.com
Program	Im246 – Pengurusan Rekod
Tempat belajar	Uitm Kampus Segamat, Johor

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Nur Filzah binti Mohd Zaidi
Tarikh Lahir	9 Oktober 1999
Tempat Lahir	Kampung Kandang, Melaka
Alamat	393, Km12, Solok Jenuang, Ayer Molek, 75460 Melaka
Email	Nurfilzah27@gmail.com
Program	Im246 – Pengurusan Rekod
Tempat belajar	Uitm Kampus Segamat, Johor

BIODATA TOKOH

2.1 BIOGRAFI TOKOH

Encik Mohd Zaidi bin Ali merupakan seorang jurulatih gasing yang masih bergiat aktif sehingga kini. Encik Mohd Zaidi lebih mesra dipanggil Pak Mat. Beliau telah dilahirkan pada tanggal 10 Mei 1970. Beliau membesar di Kampung Kandang, Melaka dan kini menetap di Kampung Ayer Molek, Melaka. Beliau memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bendahara Seri Maharaja. Beliau melanjutkan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Molek sehingga berusia 15 tahun. Pada usia 16 tahun beliau meneruskan pendidikannya di Sekolah Vokasional Bukit Katil dan akhirnya menyambung program diploma di Politeknik Port Dickson dalam bidang kejuruteraan awam. Kini, beliau telah mendirikan rumah tangga selama 26 tahun dah telah dikurniakan lima orang cahaya mata yang terdiri daripada dua orang lelaki dan tiga orang perempuan. Beliau juga merupakan seorang kontraktor yang berlesen.

Encik Mohd Zaidi memilih untuk bergiat dalam bidang gasing kerana beliau tertarik akan semangat dan tenaga yang ada pada pemain-pemain veteran yang masih aktif dalam bidang tersebut. Bagi beliau jika seseorang yang sudah lanjut usia masih bersungguh-sungguh dalam mempertahankan permainan tradisional, mengapa tidak beliau yang masih sihat dah muda. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang gasing, beliau tidak pernah mempunyai niat untuk tidak meneruskan minat dalam bidang ini malah beliau lebih aktif bergiat sehingga telah terpilih untuk menjadi jurulatih bersijil yang diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Selain itu, disebabkan oleh minat yang terlalu mendalam terhadap gasing, beliau belajar cara menghasilkan gasing. Kini, beliau juga telah terkenal di kalangan pemain-pemain gasing di seluruh Malaysia hanya kerana hasil pembuatan gasingnya yang sangat berkualiti. Beliau juga menjual hasil pembuatan gasing beliau dengan harga yang tertentu mengikut kualiti gasing. Selain menjadi jurulatih dan pemain gasing, beliau juga sering terpilih untuk menjadi pengadil bagi pertandingan-pertandingan yang dianjurkan.

Sehingga kini, beliau masih giat aktif dalam berkongsi ilmu tentang gasing di sekolah-sekolah yang terpilih. Beliau bersetuju untuk menjadi pembimbing bagi sekolah-sekolah kerana harapannya yang besar terhadap generasi muda. Beliau mempunyai harapan yang besar agar remaja-remaja zaman sekarang turut mempunyai minat dalam menceburi bidang gasing agar permainan tradisional yang unik ini tidak ditelan zaman. Hal ini kerana, warisan seni ialah satu anugerah yang ditinggalkan oleh nenek moyang yang tidak dapat ditukar ganti nilainya.

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Nama beliau ialah Mohd Zaidi bin Ali. Beliau dilahirkan di Hospital Besar Melaka pada tanggal 10 Mei 1970. Beliau kini berusia 51 tahun dan telah mendirikan rumah tangga selama 26 tahun bersama isteri tercintanya iaitu Puan Nor Rizan binti Kamis. Hasi daripada perkahwinannya, beliau telah dikurniakan 5 orang cahaya mata iaitu 2 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Beliau telah memulakan pendidikan di Sekolah Kebangsaan Kandang yang kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Seri Maharaja, Kampung Kandang Melaka. Kemudian, beliau telah menamatkan pendidikan tinggi beliau di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan dan mengambil jurusan seni bina. Beliau bekerja sebagai seorang kontraktor persendirian yang berlesen.

Menurut Encik Mohd Zaidi melalui sesi temu ramah yang telah berlangsung, beliau telah bergiat di dalam bidang gasing ini hampir 20 tahun. Permulaan beliau di dalam bidang gasing ini bermula dan muncul apabila melihat sekumpulan warga emas yang berumur 80-an yang masih aktif bergiat bermain dalam permainan tradisional ini. Beliau mengatakan bahawa beliau merasa tercabar akan kesungguhan dan semangat yang ada kepada pemain-pemain veteran itu. Jadi, sejak kejadian itu la yang telah menimbulkan rasa minat beliau terhadap permainan gasing. Semasa awal bergiat dia dalam bidang gasing, beliau di dalam bidang gasing, rakan-rakan dan orang kampung telah memberikan tunjuk ajar yang tinggi kepada beliau agar mahir dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, di kalangan keluarga beliau hanya adik bongsu lelaki dan 2 orang anak lelaki beliau yang turut mempunyai minat di dalam bidang ini.

Seterusnya, beliau kini merupakan seorang jurulatih di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka. Beliau juga aktif dalam mengajar permainan gasing ini di sekolah-sekolah yang terpilih. Beliau juga mempunyai pasukan gasing yang dikenali sebagai Pasukan Delima Kampung Kandang. Pasukan Delima itu terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Sepanjang kegiatan beliau di dalam bidang gasing ini, telah banyak pihak menemu ramah beliau termasuklah pelajar-pelajar dari pelbagai jenis universiti. Beliau juga menjadi jurulatih bebas di kampung beliau sendiri dan mengajar kanak-kanak yang berminat untuk menceburi bidang ini. Menurut beliau ilmu yang diturunkan secara percuma tidak pernah diambil kesah kerana bagi beliau hasil titik peluh dalam mengajar kanak-kanak akan terbayar jika mereka bersungguh-sungguh dalam menceburi bidang gasing. Hal ini kerana beliau sangat berharap agar anak-anak muda zaman sekarang tidak memandang ringan akan permainan tradisional yang kini semakin kurang mendapat perhatian dan tempat di hati masyarakat. Walau bagaimanapun, beliau berkata bahawa beliau akan sedaya upaya untuk menjaga dan memberi inspirasi masyarakat dengan kejayaan dan pencapaian beliau di dalam bidang ini.

SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan ialah kaedah mengumpulkan maklumat tentang kenangan-kenangan seseorang tokoh melalui rakaman secara wawancara malahan seseorang tokoh itu akan dipilih berdasarkan daripada mereka yang mampu memberikan maklumat bersejarah melalui penglibatan mereka sendiri secara langsung ataupun tidak langsung (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Jenis penyelidikan sejarah yang tertua iaitu mendahului perkataan bertulis ialah sejarah lisan dan kemudiannya pada tahun 1940-an perakam pita mula digunakan untuk lebih moden akan tetapi pada abad ke-21 teknologi digital lebih maju telah digunakan (Universiti Malaya). Menurut Fifie Safina Osman (n.d.) mengatakan bahawa sejarah lisan ini mempunyai dua jenis iaitu sumber bertulis dan sumber lisan yang meliputi perkembangan bidang sejarah lisan antara dua zaman iaitu zaman moden dan zaman lampau. Setelah itu, maklumat yang telah didapati melalui wawancara tersebut akan disalin dan melalui salinan tersebut ia akan disemak untuk kegunaan bahan pengajaran dan penyelidikan (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

Melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (n.d.) sejarah bermaksud peristiwa yang benar-benar telah berlaku pada masa lampau iaitu kisah atau riwayat sesudah bukti telah disahkan. Menurut Carr E.H (1988) sejarah bermaksud asal usul iaitu keturunan, salasilah atau peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu lampau, kisah, Riwayat dan tarawikh. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010) lisan bermaksud sesuatu yang diucapkan bukan ditulis. Setelah hilangnya penulisan sejarah, maka sejarah lisan dimulakan iaitu menerusi proses mengumpul data sejarah yang dianggap sebagai sumber primer yang boleh didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dilakukan melalui temu ramah yang telah dirancang atau disediakan oleh tokoh dan para penyelidik (Rozeman Abu Hassan 2004). Berdasarkan sumber lisan atau dipanggil 'oral history' itu ialah cara pencarian sumber-sumber untuk sejarah lisan (Ahmad Abd Kadir 1987). Herodotus atau dianggap sebagai 'Bapa Sejarah' dan perintis dalam bidang ini telah mempelopori bidang sejarah lisan dengan menjalankan proses temu ramah individu bagi mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lampau (Starr, 1984).

Apabila berlakunya penemuan yang baharu terhadap sesuatu yang bersesuaian dengan perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan ataupun kehidupan manusia maka sejarah lisan akan diadakan (Seow Han Lin, 2019). Tambahan pula, untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengisahan maka penggunaan sejarah lisan yang merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang mendapatkan keterangan daripada orang yang berpengetahuan tentang sesuatu peristiwa sejarah sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan melalui wawancara (Ahmad, 1987). Fakta ini disokong oleh Jan Vansina (1972) mengatakan bahawa sejarah lisan ini ialah teknik atau kaedah moden dalam penyelidikan yang mampu memelihara pengetahuan-

pengetahuan sejarah melalui pengisahan kerana ia sangatlah unik kerana mampu menyatukan dan menghubungkan zaman yang lalu bersama zaman yang sekarang melalui pengalaman dan penceritaan yang bersejarah. Fakta ini disokong oleh Nadzan (1979) iaitu melalui sejarah lisan kisah-kisah yang tidak ditulis atau diceritakan pada masa lalu mampu diketahui pada waktu kini bahkan ia dapat dikaji dengan lebih mendalam melalui sumber yang diperoleh. Malahan, sejarah lisan ini mampu memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sesuatu pengalaman yang diceritakan seperti mendengar kisah tauladan kanak-kanak (Seow Han Lin, 2019).

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Sejarah lisan ialah kaedah dalam pengumpulan maklumat dalam mengkaji dan mentafsirkan suara-suara orang yang berpengalaman dalam sesuatu bidang yang diceburi (Universiti Malaya, 2021). Menurut TahuTuai (2020), sejarah lisan merupakan satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah atau fakta bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

- 1) Objektif yang pertama ialah untuk mengetahui lebih mendalam tentang perkembangan permainan tradisional gasing pada masa kini. Menurut Norashikin Leman (2016), permainan tradisional gasing ini semakin dilupakan dan semakin kurang terkenal di kalangan penduduk setempat. Menurut zaitie Satibi (2019), permainan gasing ini semakin dipinggirkan tentang kewujudannya kepada masyarakat. Pernyataan ini turut disokong oleh Harakahdaily (2017), pada zaman dahulu permainan gasing ini dimainkan tidak kira waktu tetapi tidak lagi buat masa kini.
- 2) Selain itu, untuk mengetahui keunikan-keunikan yang ada dalam permainan tradisional gasing ini. Permainan yang dihasilkan daripada sebungkah kayu sehingga muncul bentuk-bentuk yang menarik (Zamran Haji Idderis, 2007).
- 3) Seterusnya, untuk merekodkan dan mendokumentasikan tentang pencapaian yang telah dicapai sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang gasing.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan warisan seni. Namun, kesungguhan masyarakat dalam menghargai permainan tradisional ini semakin hari semakin tidak diutamakan. Hal ini kerana masyarakat kini tidak terlalu didedahkan terhadap keunikan-keunikan yang terdapat dalam sesuatu permainan itu. Mereka tidak dapat merasakan keseronokan dalam bermain permainan tradisional kerana membesar dengan sekeliling yang tidak disorongkan dengan permainan tradisional. Namun, walau bagaimanapun segelintir masyarakat di Malaysia telah mendapat kesedaran bahawa tingginya nilai sesuatu permainan tradisional atau warisan seni yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Hal ini kerana segala yang ditinggalkan tidak akan pernah dapat dijual beli oleh bangsa lain. Oleh itu, terdapat satu kaedah yang membantu masyarakat atau seseorang dalam mendalami ilmu seseorang tokoh yang mahir dalam sesuatu bidang warisan seni iaitu dengan menggunakan kaedah sejarah lisan.

Kewujudan sejarah lisan ini dapat memberi sumbangan dan kebaikan kepada masyarakat. Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), sejarah lisan berfungsi bagi mengumpul dan menyimpan maklumat yang terkumpul melalui kaedah berhubung yang digunakan seperti melalui telefon, surat, atau bersua muka. Dengan menggunakan kaedah lisan, masyarakat dapat merakam semula detik-detik berharga yang tidak pernah dirakam atau yang telah hilang bagi mengekalkan sejarah-sejarah yang ada (Nur Shima, 2019). Hal ini kerana, sesetengah cerita atau sejarah tidak dirakam atau direkodkan kerana atas dasar kurang kesedaran akan pentingnya ia dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, dengan adanya sejarah lisan ia sedikit sebanyak membantu dalam mengumpul semula cerita-cerita yang bernilai bagi sesuatu bidang (Nur Shima, 2019). Tujuannya adalah bagi memastikan sejarah yang bernilai itu tidak dilupakan oleh masyarakat dan dalam masa yang sama dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat agar lebih menghargai sejarah (Eko Prayitno Joko, 2020).

Selain itu, sejarah lisan ini juga dapat memberi sumbangan kepada ilmu. Menurut Abdul Rahman (1996), sumber daripada hasil sejarah lisan boleh dijumpai dalam bentuk buku, peta, tinggalan arkeologi, arkib, dan sebagainya. Menurut Mor Eddin Mortada (2013), sejarah lisan ini sangat diperlukan bagi memperkayakan ilmu tradisi sejarah dan dalam masa yang sama dapat menjadi sumber rujukan bagi para sejarawan. Menurut TahuTuai (2020), sejarah lisan ini dapat memberi sumbangan kepada ilmu kerana ia berperanan dalam menjadi sumber primer atau sumber sekunder jika berlakunya kekurangan sumber.

Akhir sekali, sejarah lisan dapat memberi sumbangan negara. Menurut Rozeman Abu Hassan (2004), sejarah lisan telah pun membantu negara dalam merakamkan peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan tokoh-tokoh pemimpin tanah air seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Menurut Jan Vansina (1972), sejarah lisan merupakan kaedah yang dapat membantu dalam memelihara maklumat dan sejarah negara melalui pengisahan. Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), sejarah lisan ini memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan mengumpulkan fakta-fakta yang ada untuk sejarah di Malaysia.

KAJIAN
LITERATUR

4.1 TOPIK 1: WARISAN SENI

Warisan ialah sesuatu yang diterima atau diperoleh secara turun temurun iaitu daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain kerana warisan itu adalah sesuatu yang patut diwarisi demi menjaga jati diri sesuatu bangsa dan ia menggambarkan cara hidup sesuatu bangsa (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2013). Manakala, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) juga menyatakan bahawa warisan ini ialah sesuatu yang diterima secara turun temurun daripada seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu yang di mana setiap daripada pelaku ataupun kreativiti mereka itu perlu dimiliki dan diterima oleh masyarakat tanpa melalui generasi terdahulu. Oleh yang demikian pernyataan ini bahkan disokong di dalam Akta Harta Benda Purba, (1976) iaitu warisan ini adalah apa sahaja yang ditinggalkan turun temurun sama ada ia ialah buatan manusia atau semula jadi yang boleh dialihkan atau tidak boleh dialihkan dan sama ada yang nampak mahupun yang tidak nampak. Menurut Yuzaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot (2005) mengatakan bahawa warisan bermaksud tidak kira apa sahaja pembuatan yang terdahulu menjadi kegunaan masyarakat masa kini dan telah menjadi sebahagian daripada alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan mereka. Pernyataan daripada Akta Warisan Kebangsaan (2005) yang terkandung di dalam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan menyatakan tentang warisan adalah seperti warisan kebangsaan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup itu akan diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Tambahan juga, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) iaitu sesuatu Akta yang memberi peruntukkan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan terutamanya terhadap warisan iaitu warisan kebangsaan, warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan semula jadi (Mohd Yuzaidy Mohd Yusoff, 2018). Oleh yang demikian, warisan seni mempunyai kepentingan ia tersendiri.

Warisan seni mempunyai kepentingan ia tersendiri iaitu mengeratkan perpaduan sesama kaum kerana warisan kesenian itu mampu menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara kita iaitu melalui pengambilan bahagian bagi setiap kaum dalam sesuatu persembahan kesenian malahan ia dapat membuka peluang pekerjaan kepada mereka bahkan dapat memahami dan mendalami bidang seni antara satu sama lain (Danial Cho, 2021). Selain daripada itu, menurut Bernard Sam (n.d), menjaga kepentingan warisan seni kita agar dapat menjadikan Malaysia sebagai daya tarikan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun antarabangsa bukan itu sahaja warisan seni ini ia dapat memupuk semangat patriotik dalam jiwa generasi pada masa kini, mereka dapat mengenali lebih mendalam apakah yang terdapat pada warisan kesenian di Malaysia. Mohamad Sohaimi, Man (2017) berkata amatlah penting untuk sesama kita menjaga hak milik individu atau kelompok secara warisan perlu diberi perhatian wajar kerana ia mampu menimbulkan rasa cinta dan teruja terhadap khazanah

warisan Malaysia bahkan mewujudkan rasa bertanggungjawab terhadap betapa pentingnya warisan kesenian negara. Tambahan pula, masyarakat dapat berinteraksi dan berkongsi pola kebudayaan mereka namun tidak kurang pula yang bersifat ekstrem dan teguh berpegang kepada prinsip mempertahankan budaya masing-masing dan sekiranya kefahaman ini wujud antara kaum di Malaysia kita mampu menerima dan memahami kebudayaan setiap kaum dengan hati yang terbuka (Nazrinke, 2019). Manakala, Bernard Sam (n.d), berkata melalui warisan kesenian ini mampu memberikan suatu dorongan kepada generasi kini untuk menggerakkan Malaysia lebih maju ke hadapan. Hal ini supaya, warisan, budaya dan kesenian kita terus dipelihara dan tidak hanyut dibawa arus kemodenan (Fatin Rozaini Abdul Aziz, 2019)

TOPIK 2: WARISAN KESENIAN GASING

Gasing merupakan sejenis permainan yang boleh berputar pada paksinya dan diperbuat daripada kayu (Educalingo, 2021). Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2021), gasing ialah satu permainan tradisional yang bertujuan untuk menguji kepintaran pemain semasa memusingkan gasing agar ia dapat berpusing dalam jangka masa yang lama. Selain itu, menurut aktivis gasing di Melaka iaitu Koh Kim Bok (n.d.), permainan gasing ini dipercayai bermula dengan aktiviti memecah batu dan akhirnya wujud penciptaan gasing yang diperbuat dari kayu yang diratakan. Gasing merupakan permainan tradisional orang-orang Melayu sejak dahulu yang mampu berputar pada paksinya sambil mengimbang pada satu titik (Kabupaten Karimun, 2016). Gasing merupakan permainan yang berbentuk leper dan diperbuat daripada sebungkah kayu (Indonesia Kaya, 2021). Bagaimanapun, permainan gasing mempunyai cara pembuatannya tersendiri.

Proses membuat gasing ialah kayu akan diukir mengikut terus bentuk gasing yang dikehendaki seperti gasing pangkah, gasing uri, gasing botol, gasing penahan dan setelah kayu itu telah dibentuk mengikut bentuk gasing serta ia akan dihaluskan dengan menggunakan pengukir (Stephanie Ho, 2013). Menurut Art of Gasing (n.d.), pembuatan gasing adalah daripada kayu-kayu yang berkualiti seperti kayu merbau, leban tanduk, jeruk, bakau, kempas, keranji, sepan, dan kayu asam jawa. Proses pembuatan gasing mempunyai dua acara iaitu dengan menggunakan cara tradisional dan moden iaitu dengan menggunakan mesin pelarik (Harakah Daily, 2017). Proses membuat sebiji gasing hanya memerlukan 30 minit jika kayu yang digunakan adalah kayu yang sesuai (Norashikin Leman, 2016). Namun begitu, permainan gasing ini juga mempunyai cara permainannya tersendiri agar gasing mampu berpusing dengan lama dan ligat.

Seterusnya, kaedah bermain gasing dahulu dan sekarang tidak banyak perbezaannya tetapi kaedah dahulu lebih tidak teratur kerana setiap daerah mempunyai cara tersendiri dalam bermain gasing dan terdapat dua cara dalam melilit tali iaitu dengan cara melilit di lengan atau melilit di jari kelingking (Art of Gasing, 2021). Bagi melilit gasing dengan tali, pemain perlu memasukkan pergelangan tali ke dalam lengan pemain serta hujung tali yang diikat membulat dan kaedah yang kedua dilakukan dengan membuat lilitan pada jari kelingking pemain (Bias Puspitasari, 2013). Menurut Jabatan Warisan Negara Malaysia (2021), permainan gasing ini mempunyai dua acara iaitu sebagai gasing pangkah dan gasing uri. Menurut Course Hero (2021), gasing pangkah dimainkan dengan melemparkan dengan mengetuk gasing lawan dan gasing uri pula berfungsi untuk menguji ketahanannya berpusing. Selepas itu, terdapat pelbagai gaya dalam memusing gasing yang mampu menghasilkan pusingan yang tegak, kuat, ligat, dan tetap (Art of Gasing, 2021). Secara umumnya terdapat dua jenis pusingan yang biasa diterapkan oleh pemain-pemain iaitu pusingan sorong tarik

dan pusingan sentap (Methodist Boys' Secondary School Kuala Lumpur, n.d.). Semasa melakukan pusingan sorong Tarik, gasing hendaklah dipegang secara mengiring serta diayun ke belakang dan bagi pusingan sentap, gaya pusingan ini akan menghasilkan pusingan yang tegak, ligat, dan kuat (Art of Gasing, 2021). Namun, dalam permainan gasing ini juga terdapat kelebihan-kelebihan yang akan memberi manfaat kepada para pemain.

Menurut Adi Safarman (2020), permainan gasing ini mampu mengeratkan hubungan dan semangat perpaduan antara masyarakat kerana permainan ini merupakan permainan berkumpulan yang memerlukan kerjasama antara satu sama yang lain. Kenyataan ini disokong oleh Nur Athirah (2013), beliau menyatakan bahawa permainan gasing ini mampu memberi semangat Kerjasama dan setia kawan antara masyarakat Melayu. Selain itu, permainan gasing ini mampu memupuk jati diri dalam diri seseorang (Zaitie Satibi, 2019). Menurut Bias Puspitasari (2018), permainan gasing ini menjadikan seseorang itu hidup dalam keadaan yang sihat. Permainan gasing ini juga bertujuan dalam membantu seseorang mengisi masa lapangnya dengan aktiviti yang berfaedah (Astro Awani, 2020). Menurut Nur Fauziah (2015), permainan tradisional gasing mengajar keseimbangan hidup kepada seseorang. Namun begitu, dalam permainan gasing juga terdapat beberapa jenis gasing yang menonjolkan lagi keunikan permainan tradisional ini.

Lanjutan daripada itu, setiap jenis gasing mempunyai nama dan cara permainannya juga berbeza-beza (Art of Gasing, n.d.). Menurut Zaitie Satibi (2019), setiap jenis ganis diberikan nama berdasarkan bentuknya yang berbeza, namun ada kalanya ada sesetengah gasing yang mempunyai nama yang berlainan meskipun bentuknya sama. Menurut Intan Nadhirah (2023), terdapat beberapa jenis gasing yang terkenal di kalangan masyarakat Malaysia antaranya ialah gasing uri, gasing tanjung, gasing leper Kelantan, gasing jantung, dan gasing kuno.

TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang gasing. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Zaidi bin Ali yang merupakan seorang tokoh dan pemain gasing di negeri Melaka. Rakaman ini dijalankan pada 28 Mei 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 9.50 malam secara dalam talian di Google Meet. Temu bual ini dikendalikan oleh Nor Nasrin Nisa binti Nordin dan juga Nur Filzah binti Mohd Zaidi. Dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.

NFMZ: Pakcik apa khabar?

MZA: Alhamdulillah, baik.

NFMZ: Bolehkah pak cik menceritakan sedikit tentang latar belakang pak cik?

MZA: Nama pak cik – Mohd Zaidi bin Ali. Berasal daripada kampung Kandang, Melaka. _ _ _ _ _ Pekerjaan pak cik adalah sebagai kontraktor bangunan yang berlesen – adik beradik ada sepuluh [10] orang, pak cik anak kelapan [8]. Sepuluh [10] tu tujuh [7] lelaki, tiga [3] perempuan. Pak cik anak kelapan [8].

NFMZ: Umur pakcik berapa?

MZA: Umur pak cik sekarang lima puluh satu [51].

NNN: Okay – apakah pekerjaan ibu bapa pak cik?

MZA: - Ibu bapa pak cik sebenarnya dah meninggal, tapi dulu bapa – pak cik - - bekerja - - dengan Jabatan Kerja Raya [Jabatan Kerja Raya], JKR dan ibu tak bekerja. Ibu suri rumah sepenuh masa, arwah.

NNN: - Adakah pak cik merupakan satu-satunya yang menceburi bidang seni gasing ni?

MZA: Dalam keluarga - - pak cik – dalam keluarga pak cik ada dua orang yang menyeburi gasing, pak cik dan adik pak cik yang bongosu. Pastu anak-anak pak cik pon ada jugak, anak pak cik ada dua [2] lelaki, dua-dua terlibat dengan gasing (berdeham).

NFMZ: Bolehkan pak cik menceritakan sedikit tentang perkahwinan pak cik?

MZA: Lah pak cik berkahwin dengan orang kampung je. Lorong je beza, satu [1] lorong Wakaf satu Solok Lipat Kajang. Pak cik duduk lorong Wakaf, orang rumah pak cik – duduk Solok Lipat Kajang. Kampung sama, senang tak gaduh nak balik raya.

(NNN dan NFMZ tergelak kecil)

NFMZ: Pak cik dah berapa lama mendirikan rumah tangga?

MZA: - Pak cik mendirikan rumah tangga - - dah masuk tahun yang kedua puluh enam [26] _____ tahun 92 (1992).

NFMZ: Ada berapa orang anak-anak pak cik?

MZA: Anak pakcik semua ada lima [5] orang, dua [2] lelaki tiga [3] perempuan. Yang lelaki tu dua-dua tu lah penggiat – pon bergiat dalam gasing juga.

NFMZ: Daripada kecil diaorang dah - -

MZA: Daripada kecil diaorang dah ni - - yang lelaki besar tu pernah menjuara - - menjadi juara kebangsaan, peringkat kebangsaan remaja tahun 2014 yang diadakan di Subang [Selangor] *Parade* [perbarisan], Selangor [Malaysia]. Mengalahkan pasukan Terengganu [Malaysia] masa tu (berdeham).

NNN: Boleh kami tahu kenapa pakcik telah memilih bidang gasing ni sebagai hobi pakcik?

MZA: Sebenarnya main gasing ni memang daripada kecil-kecil pakcik dah main gasing dah tapi kita main gasing kecil tu, gasing Cina. Tapi bila terdetiknya hati ni untuk bermain gasing Malaysia ni. Ni gasing ni dipanggil gasing pangkah banyak uri, gasing Malaysia pangkah banyak uri kita panggil ni. (menunjukkan gasing pangkah uri). Gasing ni, ni la yang dipanggil ni. Kang nanti baru pakcik ceritalah satu persatu gasing dia _____ . Ni dipanggil gasing pangkah Malaysia banyak uri (menunjukkan contoh gasing pangkah banyak uri). Ni gasing dia, pakcik cebur dari tahun 2002, lebih kurang hampir 20 tahun lah, pakcik dah cebur dalam ni - - dalam bidang gasing tradisi ni. Pakcik milih untuk masuk - - bidang gasing ni sebab apa? Rasa tercabar masa tahun 2002 tu, pasukan gasing kampung pakcik, kampung Kandang ber - - membuat perlawanan persahabatan di kampung lah di gelanggang gasing Kandang dengan FELDA Sri Ledang, Segamat [Johor] lah Johor [Malaysia] yang diwakili hanya dengan orang-orang tua yang berumur 80 tahun lebih. Jadi masa tu pakcik umur lebih kurang 30 jadi

macam rasa tercabar. Kenapa kita yang muda ni tak nak bergiat dengan permainan tradisi Melayu ni sedangkan orang tua-tua tu masih berminat lagi. Jadi itu yang membuatkan pakcik terdetik hati pakcik untuk bermain gasing, belajar sampai _ _ _ _

—

NNN: Pastu - - boleh kami tahu siapa yang menjadi inspirasi untuk pakcik terhadap gasing ni?

NFMZ: Siapa menginspirasi pakcik terhadap gasing?

MZA: Tulah yang pakcik cakap tadi tu - - orang yang umur dia lebih 80 tahun. Dia daripada ni jadi dia yang membuatkan mata pakcik terbuka untuk bermain gasing ni lah. Lepastu yang pakcik mintalah tunjuk ajar daripada pemain-pemain gasing di kampung Kandang lah. Kengkawan yang mana sebaya lebih kurang dengan pakcik hah dia ajar pakciklah. Lepastu dengan lebih-lebih berumur lagi pun ada juga yang mengajar pakcik. Jadi kita - - sambil tu kita belajar, kita belajar cari ilmulah, kita sendiri. Dia permainan ni kita kena - - permainan tradisi ni kita kena ada minat, kalau kita ada minat baru kita boleh berjaya dan kita boleh me - - hah apa dia namanya ni, menghayati. Kalau kita takda - - kita ada minat tapi kita tak menghayati dia, kita tak boleh pergi mana-mana. Kita akan macam tu je, akan setakat tu je.

NFMZ: Sepanjang pakcik bergiat dalam bidang gasing ni, adakah pakcik mendapat sokongan daripada keluarga pakcik?

MZA: Alhamdulillah la setakat ni, *start* [mula] daripada pakcik main gasing keluarga memang bagi sokongan yang penuh terutama isteri pak cik lah, anak-anak pakcik memang takda masalah. Mana pak cik pergi, pakcik cakap pak cik nak pergi main gasing boleh je takda masalah. Orang rumah pak cik memang bagi je mana nak pergi tak kesah. Untuk gasing *no*[tiada] hal kata makcik, jangan lain dahlah kata dia (tergelak kecil)

(NNN, NFMZ gelak serentak)

NFMZ: Pak cik belajar main gasing daripada orang-orang kampung juga?

MZA: Hah orang-orang kampung lah.

NNN: Boleh pak cik cerita tak tentang permainan gasing ni macam mana?

MZA: Gasing ni, gasing tradisi gasing Malaysia banyak uri ni, pangkah gasing Malaysia pangkah banyak uri ni, dia sebenarnya dimainkan, boleh dimainkan secara perseorangan, secara *double* [berganda], lepastu secara regu. Regu ni empat [4]

oranglah, empat [4] orang dengan berserta dengan satu [1] *reserve* [simpanan] simpananlah dan satu lagi bermain berkumpulan. Berkumpulan ni dia dua [2] pasukan, dua [2] regu lapan [8] - - ada sepuluh [10] pemain dengan lapan [8] pemain, dua [2] regu dengan sepuluh [10] pemain. Lepastu dia ada empat [4] kategorilah tapi yang lebih *popular* [terkenal], yang lebih *popular* [terkenal] main beregu empat [4] dengan satu *single* [perseorangan] eh dengan satu simpanan, lima [5] oranglah tu memang *popular* [terkenal]. Mana-mana pon memang tu yang lebih *popular* [terkenal] daripada yang lainlah.

NNN: Untuk buat masa sekarang ni pak cik masih aktif main gasing atau tak?

MZA: Buat masa ni 'Covid' [Corona Virus] memang tak aktiflah tapi memang aktif sentiasa bergerak. Kalau takda bantuan daripada - - kerajaan pon kita bergerak sendiri untuk supaya gasing ni tak mati, tak berkubur orang kata tak berkubur. Kita tak mahu gasing ni berkubur jadi kita bergerak secara sendiri secara sendirilah. Kita dengan kawan-kawan, pasukan-pasukan daripada kampung-kampung yang ada dalam Melaka [Malaysia] ni yang masih ada dalam pasukan gasing, kita bergerak sendiri. Lepastu kita bergerak - - kita ada satu - *group* [pasukan] satu [1] Malaysia yang bawah persatuan persendirian. Hah kita panggil dia - - dia akan dia ada selalu kita selalu buat liga silaturahim dia panggil, liga silaturahim. Masing-masing sape yang nak jadi tuan rumah kita bagi sokongan walaupun jauh mana pon kita pergi. Perlis [Malaysia] ke Terengganu [Malaysia] ke, Pahang [Malaysia], Johor [Malaysia], Perak [Malaysia], Selangor [Malaysia], Wilayah Persekutuan [Malaysia], Negeri Sembilan [Malaysia], Melaka [Malaysia], Johor [Malaysia]. Memang kita bagi komitmen, jalan gerak sendiri, kita yang gerak sendiri. Yang bawah JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] yang bawah kerajaan tu lain. Yang kita gerak sendiri, kita gerak sendiri supaya gasing ni, tradisi ni permainan tradisi ni tak mati, tak berkubur. Sebab sekarang ni memang _ _ _ _ _ permainan-permainan tradisi ni macam terpinggir, macam terpinggir. Kerajaan pon macam nampak tak nampak, hah peminat pon makin kurang anak-anak muda sekarang lebih suka duduk depan *handphone* [telefon bimbit] dan *laptop* [komputer riba], dia tak suka keluar peluh. Hah sekarang dia suka apa? Keluar air mata, meleleh air mata, peluh tak nak (gelak dan berdeham).

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

NFMZ: Dulu waktu pak cik - - pertandingan-pertandingan ni tiap-tiap tahun ni ada ke ataupun setiap tahun ada?

MZA: Permainan, perlawanan-perlawanan biasanya memang setiap tahun memang ada. Ni memandangkan sebab 'Covid' [Corona Virus] ni dia takda dah. Dah dua [2] tahun, tahun lepas [2020] tahun ni [2021] takda dah. Tapi sebelum ni memang boleh kata kalau setahun tu kadang sampai lima [5] enam [6] kali kejohanan kita terlibatlah, pak cik terlibat, terlibat. Pastu pasukan yang pak cik, pasukan pak cik sendiri dengan kengkawan kampung antara *top four* [4] [empat teratas] dalam Malaysia. Pasukan yang selalu menjadi juara walaupun peringkat kebangsaan, liga silaturahim ke, jemputan ke tapi antara pasukan yang digerunilah di Malaysia.

NFMZ: Siapa lawan kuat untuk pasukan pak cik bagi pak cik?

MZA: Biasa yang memang lawan-lawan yang kuat Johor [Malaysia], Selangor [Malaysia], Perak [Malaysia], Pahang [Malaysia] antara pasukan yang kuatlah. Selangor [Malaysia], Johor [Malaysia], Perak [Malaysia], Pahang [Malaysia]. Kalau yang belah sana Sabah [Malaysia] Sarawak [Malaysia], Sabah [Malaysia] dengan Brunei [negara Asia Tenggara]. Tu antara pasukan yang kuatlah. Pakcik pon pernah mewakili Malaysia tahun 2017 yang diadakan di Sipitang [Sabah], Sabah [Malaysia]. Masa tu regu pakcik dapat tempat ketiga [3], regu satu [1] lagi bawah bimbingan pak cik juga dapat tempat pertama [1].

NFMZ: Menurut pak cik apakah keunikan permainan gasing ni?

MZA: Permainan gasing ni unik dia tu ye la sebongkah kayu yang di bentukan hingga menjadi sebutir gasing, sebiji gasing dengan bentuk yang dipelbagaikan dan tak kesah bentuk ikut kesesuaian masing-masing, bentuk kesukaan masing-masing macam mana dia nak bentukan gasing tu dengan keselesaan masing-masing dengan berat yang dihadkan, berat yang sudah ditetapkan, ukuran yang ditetapkan semua ketinggian dia, besau dia, berat dia telah ditetapkan. Kita main kita pusingkan dia - - dia yang unik dia tu masa kita memusingkan dia tu dengan keligatannya, pastu masa kita memangkahnya dengan ketepatan pemain tu memangkah gasing dengan ketahanan gasing tu. Itu yang membuatkan kita rasa puas apa-apa lagi kalau kita jadi juara, lagilah puas.

NFMZ: Adakah pak cik ada kemahiran dalam membuat gasing?

MZA: Bila nak katakan buat gasing ni, sebelum ni memang kat Kandang [Kampung Kandang, Melaka] kampung pak ciklah, sebelum pak cik main gasing memang takda tukang gasing. Tapi setelah pak cik main gasing barulah ada tukang gasing. Pak ciklah antara orang yang _____ yang buat gasing dekat Kandang [Kampung Kandang, Melaka] ni. Dulu-dulu memang ada zaman-zaman sebelum merdeka dulu memang ada tukang kayu tukang gasing. Tapi tukang tu bila dah meninggal dah takda lagi dah. Kira anak jati Kandang [Kampung Kandang, Melaka] yang mula-mula buat gasing, pak cik, pak ciklah. Sebelum ni ada orang buat gasing tapi bukan anak jati Kandang [Kampung Kandang, Melaka] anak orang - anak - - dia orang masjid tanah. Duduk di Kandang [Kampung Kandang, Melaka] dia ada buat gasing tapi pun tak banyaklah. Macam pak cik buat gasing setakat ni, hah ni pagi tadi pak cik ada pos. Petang tadi lepas Jumaat tadi pon ada pos gasing untuk pasukan negeri Perak, Kuala Kangsar [Malaysia] dua belas [12] biji berserta dengan tali lima [5] helai, tadi punya. Ni datang jumpa pak cik niayi bagus jugak, jadi dapat pengalaman baru an, pak cik _____. Kang kita cakap kita cerita lama-lama pak cik ni betul ke tidak ni dongeng je _____ pak cik ni kan. Ni takde memang tadi memang petang tadi ada pos dua belas [12] biji untuk Kuala Kangsar [Perak] negeri Perak [Malaysia] punye (berdeham).

NFMZ: Sebiji ni pak cik jual berapa?

MZA: Dia gasing ni harga dia bergantung pada cara buat dia. Dia ada banyaklah, dia ada sistem-sistem dia dari segi ketahanan dia kita nak segi apa. Kita yang nak kelas satu [1] punye ke, kelas dua [2] ke, kelas tiga [3]. Dia ada kelaslah bagi pak ciklah pak cik kelaskan sendiri. Macam ni antara yang kelas satu [1] (menunjukkan gasing kelas satu). Yang ni kalau dia buat dengan pak cik satu [1] biji lebih kuang harge dia seratus lima puluh [150] [ringgit Malaysia]. Tapi dia beli dengan pak cik sebiji, kalau dia pandai jaga dia pandai pakai sampai bila-bila tak payah beli-beli. Dia modal sekali kalau dia pandai jaga, dia main dia pandai bela, InshaAllah dia takkan rosak dia takkan apa. Sebab dia ada ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan dekat gasing ni _ _ _ _ _ .

NNN: Kalau tu macam harga untuk orang yang nak belikan, tapi kalau untuk pak cik buat gasing tu kos tu berapa?

MZA: Macam ni kos dia, dia sebenaunya upah kerja dia mahallah. *Material* [bahan] tu tak mahal mane tapi material [bahan] tu lebih kuang tiga puluh [30] *percent* [peratus] lah daripada harga gasing. Selebih tu upah kerjalah. Upah kerja tu memang susah. Kalau macam ni sebijik ni, yang kelas A punya ni kalau nak menyiapkannya ni satu hari tak boleh siap walaupun sebijik. Kita tak boleh siapkan satu [1] hari dengan nak mendapatkan kualiti yang A ni. Tapi kalau yang *class* [kelas] C punya tu, satu [1] hari boleh buat tiga [3] empat [4] bijik, empat [4] lima [5] bijik kita boleh buat tapi kelas C la. Memang dia mughah bunyi enam puluh [60] inggit [mata wang] lima puluh [50] inggit [mata wang], tapi main kalau orang pangkah dua [2] tiga [3] kali kang dia meletup dia pecah. Jadi tak guna, baik kita beli yang mahal sebijik tapi dia tahan lamalah, hah tu jeleh _ _ _ _ _ . Dari segi ketahanan kayu, jenis kayu, jenis kayu pon main peranan harga gasinglah. Orang kata ada rupa ada harga, ada nilai. Lagi keras kayu yang digunakan, lagi keras duit dia. Hah tu dia kalau kita guna kayu yang lembut-lembut kayu kampung ni, hah gasing tu le yang pak cik cakap tadi tu kelas tiga [3] punya, kelas dua [2] punya gasing. Kalau kelas tiga [3] dia *upgrade* [naik taraf] dia boleh jadi kelas dua [2] tapi dia tak boleh jadi kelas satu [1], kelas satu [1] dia ada kayu dia lain. Dia kayu dia yang kelas satu [1] tu sebab kayu tu yang buat gasing tu kelas satu [1]. Kayu dia mahal, ada sebiji [1] gasing boleh cecah hampir tiga ratus [300] [ringgit Malaysia]. Tapi bahan mentah dia mencecah dua ratus [200], seratus tujuh [170] seratus lapan [180] puluh inggit [mata wang] untuk bahan mentah sahaja. Kayu dia tu terlalu mahal. Jadi upah kerja dia sama je, upah buat dia sama, upah kerja dia sama. Tapi nilai bahan mentah tu yang buat gasing tu bernilai tinggi. Tapi yang pak cik cakap yang dua ratus [200] lebih tu, lagi seumur hidup tak payah beli gasing dengan pak cik. Sekali pak cik buat dia, pak cik punya bengkel pon boleh tutup (tergelak kecil)

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

NFMZ: Apa nama kayu dia pak cik?

MZA: Kayu tu dia sintetik la, kayu sintetik. Dia memang kayulah, kayu yang kayu memang kayu baik-baiklah kayu mahal. Kayu dia memang susah jumpa susah cari _ _ _ _ _ . Dia kayu-kayu yang digunakan buat gasing biasanya halban. Kalau orang Melaka

panggil lebanlah. Kayu halban, kayu resak, keranji, kayu kempas, kayu tualang, kayu pelaga lilit, kayu sebau, dah kayu-kayu kraf lainlah, ciku pon boleh. Kayu ciku pon antara yang berkualiti tinggilah untuk kalau kita nak buat gasing. _____ mata kucing pon antara kayu-kayu yang baik. Kayu banyak lagi kayu sebenarnya. Meranti pon boleh, kayu kuran. Kuran ni _____ kampunglah tapi kalau dia spesies nama kayu kalau bahasa buku ni dia dalam _____ semerbaulah. Merbau, merbau merah, merbau putih macam-macam merbau. Jenis-jenis kayu, jenis-jenis senang cakap, jenis-jenis kayu keras dan liat. Ada jenis kayu keras liat tapi dia tak liat, dia retak. Kita nak cari kayu keras dan liat. Itu yang paling bagus sekali buat gasing ni. Itu yang gasing dia paling tinggi. Pastu kalau nak cik - - pak cik beli _____ Melaka memang susah kayu. Pak cik beli kayu sampai ke Termerloh [Pahang] pergi cari kayu gasing. *Order* [tempah] kat Termerloh [Pahang]. Termerloh [Pahang], Segamat [Johor], seratalah *order* [tempah] kayu yang mana hutan tebal-tebalkan. Tapi biasanya ke Pahang [Malaysia] lah, Pahang [Malaysia] dengan Johor [Malaysia] lah. Diaorang hutan banyak lagi. Tapi kita upah oranglah. Minta tolong dia carikan kayu, dah dapat kita pergi amik lah. Negeri Sembilan [Malaysia], antara negeri-negeri yang banyak hutan lagilah yang masih ada bahan mentah. Tu yang buat gasing ni nilai dia tinggi, mahal.

NNN: Kan kit - - kan gasing ada banyak-banyak jeniskan, kalau pak cik, pak cik boleh ke namakan jenis-jenis gasing yang pak cik selalu buat?

MZA: Dia gasing ni, kalau yang ni pak cik bagi - - sebelum tu jenis-jenis gasing ni nanti - - dia banyak ni sebenarnya ni jenis-jenis gasing dalam ni pon ada (memaksudkan buku katalog). Dia ada gasing toyol, pernah dengau gasing toyol? Tak pernah eh? Gasing toyol ada, gasing pacitan ada, gasing lang laut, gasing, gasing uri, ada gasing berembang, ada gasing, gasing bawang, gasing begelen. Dia macam-macam jenis gasing, itu sebenarnya bentuk, bukan jenis, bentuk, bentuk-bentuk gasing. Gasing tanjung macam ni. Macam ni dia panggil gasing tanjung, nampak ni? Ni dipanggil gasing tanjung, hah ni gasing tanjung (sambil menunjukkan contoh gasing tanjung). Ni gasing tanjung ni dia sesuai buat gasing pangkah, gasing pangkah. Ni gasing toyol, pak cik cakap ni gasing toyol kan? Macam ni, ni gasing, ni gasing kuno. Gasing kuno ni, ni gasing kuno. Ada orang guna dia untuk buat gasing pusing pon ye, gasing pusing ni gasing penahan lah ataupun gasing pangkah. Dia dua-dua boleh gasing kuno ni. Ada orang sesuai buat gasing pusing pon boleh, sesuai buat gasing pangkah pon boleh. Yang ni, ni. Ni, ni gasing toyol. Bentuk dia pon dah dahsyat, bentuk dia lonjong macam

MZA: Ada, memang biasa lah. Memang biasa terlibat. (bunyi gasing diletakkan di atas meja) Mana-mana program kadang kalau bawah kebudayaan tu, bawah Majlis Perbandaran [Melaka] memang selalu la. Pak cik ni kalau selalu kena dekat Bandar Hilir [Melaka] la dulu. Dekat Melaka ni kat Bandar Hilir [Melaka] lah. Dekat Dataran [Melaka] lah, dekat depan Dataran Pahlawan [Melaka] tu dekat padang – dataran tu, padang merdeka tu, dekat situ, dekat depan jam besau, dekat depan memorial, selalu ada. Yang terbaru sekali promosi (berdeham) 2019. Itu dekat *area* [kawasan] *area* [kawasan] memorial lah. Satu hari promosi bersama dengan Majlis Perbandaran Melaka [Malaysia] bersejarah. Masa tu hari Melaka [Malaysia] bersejarah. Kalau tak silap pak cik 2019 lah masa tu. – 2019. Dekat depan dekat area [kawasan] (sambil menggerakkan tangan menunjukkan arah) dekat depan memorial tu lah. Kawasan tu. Hah belakang Dataran [Melaka].

NNN: Apakah pencapaian pak cik sepanjang menceburi bidang gasing?

MZA: Pencapaian. Pak cik main daripada tahun 2002, *start* [mula] main gasing lah. 2002, dan yang pertama, tahun 2002 tu jugak. Masa tu pak cik tak main, pak cik jadi pengurus pasukan. Bawak pasukan, dapat nombor empat [4]. Masa tu terbuka kebangsaan di Kuala Lumpur [Malaysia]. *Start* [mula] daripada tu bermula lah, satu [1] satu [1] satu [1] satu [1]. 2002, dua ribu [2000] 2002 jujuk, 2002 jujuk Melaka [Malaysia] jadi juara peringkat ASEAN [Association of Southeast Asian Nation]. Peringkat ASEAN [Association of Southeast Asian Nation] masa tu. Keseluruhan, Melaka [Malaysia] jadi juara keseluruhan peringkat ASEAN [Association of Southeast Asian Nation]. Masa tu pak cik jadi penyelia padang waktu tu. Masa tu pak cik belum bermain kan jadi tak dapat

berpasukan. Selepas tu, selepas tu tahun 2003, 2005, 2004, 2005 lama, mewakili Melaka [Malaysia] dan banyak sangat lah. Memang kalau nak tengok piala pun almari sampai dah tak muat. Macam-macam besau-besau semua ada (ketawa). Dua [2] dua [2] rumah ada piala. Dekat rumah dekat sini pun ada, rumah dekat sana pun ada. Banyak sangat piala. Besau-besau piala ada dekat rumah ni. Nanti boleh amik gambar, boleh tu. Yang juara, yang (berdeham) naib juara selalu, yang paling besar. Yang paling manis mula-mula jadi juara, pak cik mula-mula sekali main gasing sejak jadi juara tahun 2007. 2007 di Pantai Puteri [Melaka] kalau tak silap pak cik la _____ 2007. Itu kejohanan pertama pak cik, juara keseluruhan kebangsaan. Juara Kebangsaan 2007 di Pantai Puteri Melaka [Malaysia]. Masa tu, tangan sakit berbalut pun main jugak. ber-*bandage* [berbalut] lah tangan masa tu (gelak).

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

NNN: Boleh ke pak cik cerita perasaan waktu pak cik menang anugerah waktu 2007 tu?

MZA: Tak boleh nak cakap lah masa tu. Orang kata menangis bukan menangis kalah lah, menangis tapi menangis kegembiraan. Automatik. Bila dapat je. Daripada sebab kita main gasing ni, dia pusingan pertama tu panggil liga. Liga ni. Kita akan berlawan la dengan empat [4] pasukan atau tiga [3] pasukan daripada satu [1] kumpulan pusing liga. Pastu daripada kumpulan je, satu [1] kumpulan, kumpulan A, kumpulan B, kumpulan C, kumpulan D, empat [4] kumpulan. Nanti dia *crossing* [melintang] daripada kumpulan A lawan kumpulan C, juara kumpulan A lawan naib juara kumpulan C. Hah macam tu lah *crossing* [melintang], *crossing* [melintang], *crossing* [melintang], *crossing* [melintang] (menggerakkan tangan). Dia ada suku akhir pertama, suku akhir kedua. Separuh akhir pertama, separuh akhir kedua. Lepastu baru akhir. Jadi dia naik peringkat-peringkat. Dia naik satu [1], satu [1], satu [1], hah itu yang syok tu sebenarnya. Dia automatik je bila kita dah pergi separuh akhir tu, kita dah kaki sebelah ke *final* [akhir]. Dia macam tu lah, dia punya apa tu – dia punya sifir dia. Daripada dalam liga, kita dah dapat juara liga misal kata, ataupun naib juara liga. Kita berlawan dengan sana kita dapat kay. Kita - - dia ada badan, badan kita dah masuk dah, untuk dapat hadiah tu dah ada. Bila kita dah masuk separuh akhir tu, kita dah ada badan kita tu, hadiah tu dah ada dah. Tapi kita nak menentukan hadiah tu kecik ke besau. Daripada nombor empat [4] nak pergi nombor [1], jadi masa separuh akhir tu kita patut tentukan lah kita nak dapat nombor empat [4] ke nombor satu [1]. Kalau kita kalah masa separuh akhir, kita dah menentukan nombor tiga [3] la nombor empat [4].

Nombor dua [2] tiga [3] la nombor empat [4]. Padahal tadi kita nak berebut, kita nak pergi nombor satu [1]. Bila kita dah dapat separuh akhir, pertandingan separuh akhir kita dah ada kaki dah untuk nombor dua [2]. Masa tu kita berlawan untuk dapatkan juara. Bila juara, bila kita dapat je menang. Automatik, tak tahu nak cakap apa. Alih-alih air mata keluar je macam tu (senyum dan menggerakkan tangan) semua semua sekali dengan kawan-kawan kita yang dekat luar menonton ni yang sama-sama pergi dengan kita ni pun sama-sama, memang macam bersorak-sorak. _ _ _ _ _ juara kan, tapi dah banyak sangat jadi juara dah macam benda takda dah (gelak)

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

MZA: Macam dah lali je bila selalu sangat. Tapi bila *first-first* [pertama] kita dapat tu memang syok. Tapi memang lah banyak - - apa tu, banyak pahit maung la. Sampai kadang-kadang kita main tu ada masa tu kalau kita tinggi tu memang, peluang juara tu memang dah sembilan puluh *percent* [90]. Tapi *last minute* [minit terakhir] kita kecundang, kecundang di saat-saat akhir. Tu yang macam main bola juga lah. Kadang dia main sembilan puluh [90] minit dah bagus dah, dia dah menang. Tapi masa tambahan pula, masa dah nak masa apa tu masa kecederaan tu membuatkan dia boleh kalah. Sama, dia tak boleh kecuai, tak boleh kita lalai. Apa main sukan pun kita kena komitmen. Kena bagi tumpuan yang penuh. Satu (berdeham) tu daripada segi bermain lah. Daripada segi jurulatih yang pak cik - - boleh bangga, yang memang rasa yang tak boleh nak cakap dia punya gembira tu Pasukan Remaja Kebangsaan Melaka [Malaysia] remaja Melaka [Malaysia] jadi juara kebangsaan tahun 2014. Itu memang anak didik *pure* [asli] pak cik. Termasuk satu orangnya, salah satu pemainnya anak pak cik sendiri, Muhammad Farhan lah, anak yang kedua, anak lelaki kedua dan anak nombor dua [2] pak cik lah. Masa tu umur dia tingkatan lima [5] tahun 2017 tu dia tingkatan lima [5], dia juara kebangsaan. Berlawan dengan Terengganu [Malaysia], pasukan Terengganu [Malaysia]. Orang kata menang dengan bergayanya. Dengan markah yang banyak. Dengan apa tu *score* [skor] yang banyak. Dengan pungutan mata yang banyak, memang sangat banyak lah. Terlalu jauh ditinggalkan Terengganu [Malaysia]. Orang kata takda (sambil menggerakkan tangan) - - permainan tu asalnya memang *fight* [lawan] memang sedap tapi bila mental, Terengganu [Malaysia] mental, dia orang tu *down* [turun], hanya dalam lebih kurang lima belas [15] minit terakhir, setengah jam lima belas [15] minit tu dia boleh bertahan tapi lima belas [15] minit akhir tu dia dah tak boleh tahan. Itu yang penting tu, kita masa kita jadi jurulatih tu pemain kita tu fikiran kita minat kita tak boleh

down [turun] kalau kita *down* [turun]. Macam mana sedap pun kita, baik mana pasukan tu kalau dia *down* [turun] masa permainan, habis lah. Ada, tu yang pak cik cakap tu _ _ _ _ (berdeham) pastu tu juara pertama. Tahun 2019 itu hari dekat Dataran Merdeka [Kuala Lumpur] kebangsaan jugak. Adik kepada yang juara tu, dapat naib juara pulak kebangsaan. Kalah pulak dengan pasukan Terengganu [Malaysia] yang abang dia kalahkan dulu (gelak) masa 2014, masa tu budak-budak tu bawah lagi rendah, jadi bila dia campur, dia tak sepenuh lah. Dia campur, ada yang budak 2014 tu dapat main lagi kan _ _ _ _ jadi kita yang untuk remaja Melaka [Malaysia] tu semua budak baru lah. Masa tu dia kanak-kanak, masa tu dapat main 2019 tu dia dah dapat main untuk dewasa eh main remaja. Dapat lah nombor dua [2] kebangsaan. Pun rasa bangga jugak. Sebab anak didik kita dia daripada - - dia tak tahu benda, kosong, *zero* [kosong]. Didik didik dia, sampai jadi juara dan naib juara kebangsaan. Memang kata berbesar hati lah, _ _ _ _ . Hah tu je lah.

NFMZ: Sejauh manakah pencapaian pak cik dapat membantu dalam mengembangkan seni kebudayaan?

MZA: Tu lah kalau dari segi me - - apa?

NFMZ: mengembangkan dalam - -

MZA: Me _ _ _ _ untuk mengembangkan gasing ni, permainan gasing ni memang perlu bantuan lah. Bantuan dia daripada JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Melaka [Malaysia], Jabatan Pendidikan Malaysia. Jabatan Pendidikan Malaysia ni dia pergi tu lah program yang jurulatih tu, mengajar-mengajar ke sekolah sekolah tu (sendawa). Macam JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] bantuan peruntukkan kewangan, prasarana apa semua lah dengan yang apa tu untuk peralatan. Peralatan ni kalau untuk sekolah ni semua bawah JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] lah, JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] yang sediakan untuk sekolah. Pak cik pergi mengajar je (berdeham) tapi daripada segi untuk pasukan-pasukan negeri ni, kita sendiri lah. Kita sendiri kena bagi komitmen bayar. Pak cik sendiri, kawan-kawan. Kita memang kena sentiasa berunding lah. Macam mana kita nak majukan kita punya persatuan. Panggil kawan-kawan datang. Kalau ada apa-apa program kita ni, kalau patut kita perlu carik penganjur kita carik penganjur. Carik *sponsor-sponsor* [penaja] mintak lah. Bila nak ada kejohanan-kejohanan negeri yang *open* [buka], terbuka nak pergi Sabah [Malaysia] Sarawak [Malaysia] ke, carik

lah *sponsor* [penaja]. _ _ _ _ _ kerja pak cik pergi naik JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] dulu mula-mula. _ _ _ _ _ JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] jumpa pegawai, mintak bantuan, tuntutan kalau ada sikit, dia ada sikit tapi kita kecik sikit lagi. Macam tu lah. Kita banyak lah cara-cara. Tapi insya-Allah kalau dekat Kandang [Melaka] ni sebenarnya ramai orang yang kalau kita cakap kita nak pergi main gasing, pasukan Kandang [Melaka] nak pergi main gasing, atau pergi mana lah, nak pergi Sabah [Malaysia]. Habis macam mana tu tiket, kita sendiri-sendiri. *Support* [sokong] sikit boleh, _ _ _ _ _ ni *support* [sokong] sikit, ni *support* [sokong] sikit. Dia nak bila balik, kita cakap okay kita dapat juara, kita dapat nombor dua [2] ke, dia orang seronok lah. Pastu kita bila ada, dapat duit, bila kita ada kejohanan tu kang. Kalau kita dapat duit tu, kita balik kita buat makan-makan. Pasukan yang menang tadi buat makan-makan. Buat makan-makan. Bakar sate ke, ikan bakau ke. Kita panggil lah. Panggil budak-budak kampung, *member-member* [kawan-kawan] mana main gasing, tak main gasing ke yang mana suka tengok main gasing ke, jemput semua datang ke gelanggang, makan. Ha itu yang syok tu. Masa tu lagi erat lah orang kata. Kalau ada perlawanan tu, kalau ada kejohanan dekat Kandang [Melaka] tu insya-Allah, penonton ramai. Ramai sangat kalau dekat Kandang [Melaka] ni. Kalau dekat tempat lain tak leh cakap lah, tapi kalau dekat Kandang [Melaka] ni kalau main gasing ni kita cakap ada perlawanan je dekat Kandang [Melaka] gi, heboh dekat Kandang [Melaka] tu, keliling orang. Orang tua-tua baik, budak-budak baik, orang perempuan baik, semua ramai datang tengok baik main gasing kalau dekat Kandang [Melaka] (tersenyum).

NFMZ: Seperti yang kami tahu, pak cik merupakan jurulatih gasing di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negeri Melaka [Malaysia], bolehkah pak cik menceritakan sedikit tentang pengalaman sepanjang menjadi jurulatih?

MZA: Jurulatih JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] tu, *start* [mula] pak cik mengajar di JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] ni bawah JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] ni tahun 2009 lah. Di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Rambai [Melaka] lama pak cik mengajar dekat situ. Masa mengajar dekat situ tak kurang - - lapan [8] tahun, tujuh [7] tahun kot. Tujuh [7] tahun ke berapa tahun dekat sekolah tu. Punya lama dengan dekat sekolah rendah Rambai [Melaka] tu mengajor. Dia setahun enam bulan lah [1 tahun 6 bulan] dia bagi peruntukkan untuk bajet tiap-tiap sekolah untuk satu [1] bulan tu lebih kurang enam [6] bulan, enam [6]

bulan enam [6] bulan. Program tu enam [6] bulan lama. *Start* [mula] saya tak da ni. Dua [2] tahun ni lah. Tahun dua ribu dua [2002] dua ribu [2000] dengan 2021. Tahun sembilan belas [2019] itu hari pun tak ada sebab pak cik - - sekolah tolak *last minute* [minit terakhir]. Sebenarnya ada sekolah dia nak, tapi dia tolak *last minute* [minit terakhir] jadi dia tolak, jadi tak da sekolah yang sanggup lah. Dah *last last minute* [minit terakhir] dah tak boleh. Tapi bila pak cik bawak je budak sekolah tu, dapat naib juara kebangsaan, dia mintak pulak pak cik mengajor balik dekat sekolah tu. Tapi dia dah tolak awal-awal lah (gelak). Tapi budak-budak tu yang pak cik ajar dekat kampung, - - kebanyakannya sekolah sama, dapat naib juara kebangsaan 2019 tu ari. Banyak la pengalaman mengajar budak-budak sekolah ni. Budak-budak sekolah tahu la mengajor. Yang dengar cakap, dengar cakap. Yang tak dengor tu, berbuih jujuk kita punye ni kan? mulut kita ni.

(NNN gelak)

MZA: Tapi kalau pak cik ni dekat sekolah ni kalau cakap pak cik Zaidi orang tak kenal, pak cik tak suka orang cakap ni, pak cik suka Pak Mat. Kalau main gasing ni, memang pak cik lebih kurang, lebih *popular* [terkenal] dengan nama Pak Mat lah. Kalau cakap budak sekolah siapa Pak Mat, kalau kawan-kawan panggil Abang Mat. Abang Mat atau Pak cik Mat. Kalau budak-budak yang muda-muda sikit, yang umur baya-baya anak pak cik tu, Cik Mat, cik Mat, cik Mat, semua tiak Cik Mat lah atau Pak Mat ataupun Abang Mat lah atau yang *popular* [terkenal] lah (tersenyum). Kalau nama betul Zaidi tak *popular* [terkenal] main gasing ni (gelak). Kalau Abang Mat, Pak Mat memang *popular* [terkenal] nama tu. Nama yang digeruni la (gelak).

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

NFMZ: Sepanjang pak cik main gasing ni, apakah sumbangan terbesar yang pak cik pernah sumbang kepada masyarakat, negeri atau negara?

MZA: Macam pak cik cakap tadi kalau untuk negeri tu je lah. Kita naikkan nama Melaka [Malaysia] di persada Malaysia persada negara ni lah. Berkali-kali. Selalu sangat jadi juara kebangsaan. Juara kebangsaan, naib juara. _ _ _ _ _ dalam lingkungan empat [4] terbaik kebangsaan pun biasa. Kalau pergi tu, kalau tak bawa balik piala sekurang-kurangnya empat [4] tu rasa macam ralat lah. Bukan takda, ada. Kalau kata sepanjang sentiasa dapat dalam lingkungan empat [4] tu bohong. Tapi kalau satu [1] tahun tu ada empat [4] kejohanan, mungkin satu [1] yang terkucil. Tiga [3] tu juara, naib juara

ataupun tak lebih dari nombor empat [4] lah. Tapi memang selalunya pak cik memang banyak sangat juara lah. Memang dapat banyak piala juara, banyak kalau piala juara tu memang banyak. Bukan nak bangga diri tapi memang pencapaian kita tu memang macam tu kan (senyum). Hah sampai kadang pak cik pun tak nak main. Macam itu hari, yang tahun lepas itu hari main dekat Terengganu [Malaysia]. Pak cik bawak pasukan tu tapi pak cik tak main pun. Pak cik hanya jadi pemain simpanan sahaja. Sampai lah dia orang dapat ni, beregu, regu, regu remaja tu. Korang main je lah, pak cik tak nak main. Duduk tepi je. Kita jadi *guide* [tunjuk ajar] je. *Guide* [tunjuk ajar] dia ajar dia untuk jadi pasukan yang baik lah, satu hari nanti. Tu yang kita nak didik dia jadi pasukan itu hari jadi juara 2014 tu, mastu tu dia main gasing ni, gasing plastik. Tapi bila dia main gasing kayu kita kena *guide* [tunjuk ajar] dia lah, cara-cara main gasing kayu. Gasing tradisi betul dia. Dia lain lah, sistem kita kena *guide* [tunjuk ajar] kita kena pandu dia. Tunjuk ajar dia macam mana sesuatu kejohanan. _ _ _ _ _ tu daripada segi kebangsaan. Pak cik ni kalau daripada dalam pasukan kepada gasing untuk kebangsaan, pak cik salah satu Persatuan Gasing Malaysia, tiga daripada orang penting dalam Persatuan Gasing Malaysia. Sebelum ni Jabatan Pasir Gudang [Malaysia] bendahari dua [2] (menunjukkan jari dua) tapi yang terbaru ni jawatankuasa, tiga [3] jawatan kuasa penting lah. Baru lagi baru, sebelum, dalam bulan puasa baik, sebelum raya pak cik mesyuarat dekat peringkat kebangsaan (berdeham). Tu lah.

NNN: Boleh ke pak cik cerita kemenangan yang terbaru pak cik sebelum ada nya pandemik ni, sebelum Covid-19 [Corona Virus] ni datang ke Malaysia kan?

MZA: Yang terbaru eh, yang 2019 lah. (berdeham) 2019, di Perak [Malaysia] naib juara dekat Trolak [Perak]. Masa tu tak silap pakcik bulan dua belas [12] - - bulan dua belas [12] tak silap pak cik, bulan dua belas [12] tahun 19 [2019], tahun 2019. Dapat naib juara. Kalah dengan Trolak [Perak], kalah tu bukan kalah apa lah, kalah lawan uri. Tu kata kalah lawan uri ni, *team* [pasukan] lah *same* [sama] kekuatan kita sama. Tapi kita kalah daripada (sambil menggerakkan tangan) kualiti gasing uri lah (sambil menunjukkan gasing uri) sebab dia pakai gasing uri, kita tak da gasing uri. Dia menang uri lah, lawan uri. Tu jelah (sendawa). Sebelum tu, main dekat Tangkak [Johor] juara. Dekat Tangkak [Johor] jadi juara. Sebelum tu main dekat Labis [Johor] semua 2019 main ni main dekat Labis [Johor], Johor [Malaysia] naib juara. Jadi tu lah yang tu _ _ _ _ _ tu kalau orang tu cakap, pak cik cakap tiga [3] empat [4] tu mesti ada satu [1] juara. Naib juara tu memang biasa (sambil menggerakkan tangan). Memang kita minggu empat [4] tu

memang masuk. Lepas tu naib juara, lepas tu main dekat Matic [Malaysia Tourism Centre], Matic [Malaysia Tourism Kuala Lumpur [Malaysia] itu hari dapat nombor tiga [3], ni 2019 jugak. Nombor tiga [3]. Tapi kita pemain campur-campur, kalau yang betul-betul macam pak cik ni, kadang-kadang orang tak nak main, apa tu - - memang selalunya tu yang lain-lain dia lah, empat [4] empat [4] (sambil menggerakkan tangan) tu. Tapi sekarang memang pak cik rojak-rojak. Sekarang masing-masing ada dah tua, ada member [kawan] pak cik tu dah tua, sekarang dah lima puluh enam [56] dah. Pak cik pun dah lima puluh satu [51]. Ada dua [2] orang buah tu baru empat puluh lebih [40]. Jadi dah kena carik pelapis, untuk bantu _____. Kita kalau main gasing ni kalau semua anak muda pun tak bagus, bukan tak bagus ke pasal apa. Ia tentang kematangan. Kematangan waktu-waktu bermain tu, dia perlu ada satu orang tua. Satu [1] *part* [bahagian] orang yang matang dia, iaitu orang yang lebih tua daripada dia supaya boleh *guide* [tunjuk ajar] boleh kata *split* [berpecah] dalam sesuatu pasukan. Kalau macam pak cik memang kena *split* [berpecah] lah dalam pasukan. Kalau pak cik tak da, tak bawak misal kata dalam pasukan tu, macam - - pencang lah. Pencang sikit. Dia orang nak macam mana pun, kalau pak cik tak main pun, pak cik duduk tepi. Dia nak macam tu. Dia kata “Okay Pak Mat, Pak Mat kalau kau tak main pun takpelah, kau duduk tepi. Aku nak tengok muka kau pun cukup lah waktu main”. Hah macam tu, sampai macam tu sekali dia orang nak kan kita ni, nak kan pak cik ada dekat gelanggang. Sama, bukan kata tu, bukan kata budak kampung, pasukan Melaka [Malaysia] sama. Kalau pasukan Melaka [Malaysia] tu, pak cik selalu bawak pasukan Melaka [Malaysia] kadang kita dalam Melaka [Malaysia] ni ada lima [5] tempat yang main gasing. Jadi kita *rotate* [putar] kalau tahun - - kata-kata musim ni, pak cik dah main kata. - - kata lah bulan dua belas [12], 2019 tu ada *game* [perlawanan] pak cik dah - - pasukan Kandang [Melaka] tadi, habis bulan dua [2] ada lagi *game* [perlawanan] negeri lain pulak buat, macam Johor [Malaysia] pulak buat. Misal kata, kita hantar pasukan yang lain, daripada Melaka [Malaysia] tapi daripada pasukan yang lain. Daripada kampung lain. Pak cik tetap jadi pengurus pasukan. Orang yang mesti ada. Kalau pak cik tak da, dia orang pun tak nak pergi. Sampai macam tu sekali. Kalau nak main Pak Mat mesti ada, Abang Mat mesti ada. Kalau tak da, kita orang tak nak pergi. Jadi kena rela hati lah. Dia nak dia macam - - Pak Mat ni - - macam - - jadi dia punya penggerak. Penggerakan dia orang, kalau Pak Cik Mat tak da macam dia - - macam tak nak gerak. Macam tak gerak je dia orang tu.

NFMZ: Tak semangat.

MZA: Hah tak da semangat. Dia nak kan semangat Pak Mat, cik Mat tu datang, _ _ _ _ _ semangat dia orang lain macam. Padahal bukan pak cik main pun, duduk dekat luar pagau je. Tengok je (sambil menggerakkan tangan). Sama-sama tu kita bagi lah isyarat lah ni isyarat-isyarat dia. Kita tunjuk tangan. Yang dia - - kadang satu-satu kedudukan gasing tu, siapa yang patut masuk dulu. Nanti kita teriak lah, kay kata lah nama dia nama A, B, C kan. Si A masuk dulu misal kata (sambil menggerakkan tangan) dia masuk. Dia kadang dia masa bermain tu dia tak tahu siapa patut masuk nombor satu [1] siapa masuk hah macam tu lah. Dia nak kan orang yang matang, yang boleh nampak siapa yang boleh pakai amik gasing tu. Macam tu lah. Hah tu teknik-teknik perlawanan lah yang diperlukan (berdeham).

NNN: Pada pandangan pak cik, adakah permainan gasing ni masih terkenal atau dihargai di kalangan masyarakat di Malaysia.

NFMZ: Adakah permainan gasing ni masih terkenal atau dihargai di kalangan masyarakat di Malaysia?

MZA: Buat masa ni masih lagi, kalau bila ada sesuatu kejohanan gasing tu. Kalau di hebah-hebahkan, cara promosi dia memang luas, memang ramai peminat. Ramai sangat, dia bergantung kepada promosi lah. Kalau Melaka [Malaysia] lah, kalau Melaka [Malaysia] yang buat kejohanan, memang tak da masalah. Melaka [Malaysia], Johor [Malaysia] kalau buat kejohanan memang tak da masalah. Memang orang, memang orang - - persekitaran, orang negeri ni datang. Orang kata penuh. Tutup. Pagau gelanggang tu dia kepung (gelak). Banyak sambutan dia memang luar biasa. Melaka [Malaysia], Johor [Malaysia] kalau buat kejohanan, Pahang [Malaysia] kalau buat kejohanan. Memang penonton ramai sangat. Memang - - yang selalu-selalu negeri-negeri yang buat ada kejohanan, yang ada kejohanan kan? Memang penonton ramai (bunyi gasing atas meja). Macam itu hari 2019 tu buat dekat Trolak [Perak]. Trolak [Perak] tu kita buat dalam *indoor* [kawasan dalam] dalam bangunan lah kita panggil gelanggang pasang siap. Gelanggang pasang siap ni dia punya - - sebenarnya gasing ni ada dua [2] je. _ _ _ _ _ satu [1] gelanggang kekal, satu [1] gelanggang pasang siap. Gelanggang kekal ni *based* [dasar] dia tanah. Main atas tanah. Tapi gelanggang pasang siap ni *based* [dasar] dia getah. Dia boleh bukak pasang, bukak pasang. Boleh pindah-pindah. Tu hari 2019 main dekat Trolak [Perak], FELDA (Federal Land Development Authority) Trolak [Perak] main dalam dewan gelanggang pasang siap. Memang ramai lah, daripada *start* [mula] permulaan kejohanan sampai habis kejohanan memang penuh. Orang situ memang

tengok jadi kita bawak tempat yang memang ada pasukan, kat kampung tu ada pasukan, FELDA (Federal Land Development Authority) [Perak] tu ada pasukan gasing. Tapi dia tak da gelanggang. Dia gelanggang dia tumpang dekat sekolah. Sekolah tu ada gelanggang. Sekolah - - dekat Trolak [Perak] tu ada gelanggang. Jadi dia orang berlatih dekat sekolah. Jadi nak main dekat kampung, tak boleh nak buat kejohanan dekat sekolah takut orang tak da. Jadi buat kejohanan dekat kampung. Dekat FELDA [Federal Land Development Authority] [Perak] buat dalam dewan. Buat guna gelanggang pasang siap. Dia punya sambutan memang *tip top* [hebat]. Orang FELDA [Federal Land Development Authority] bagi orang situ bagi komitmen memang bagus. Dia sebenarnya lokasi lah, lokasi tu untuk sesuatu kejohanan tu dia buat, kita kena pastikan lokasi tu bagus. Macam Johor [Malaysia] dia buat lokasi yang Johor [Malaysia] yang *best* nya [seronok] Johor [Malaysia]. Johor [Malaysia] tempat-tempat dia buat, permainan gasing dia pernah buat lah di pan - - di Danga Bay [Johor]. Danga Bay [Johor] pun sambutan dahsyat. Lagi satu kam - - Kampung Makam. Kampung Makam Kota Tinggi [Johor] pun sambutan boleh tahan. Tapi Johor [Malaysia] yang paling bagus sekali sambutan dia buat dekat Parit Sulong [Johor]. Parit Sulong [Johor], Pekan Parit Sulong [Johor] tu tepi sungai dekat tepi dia punya pan - - dataran, Dataran Parit Sulong [Gasing] memang *best* [seronok]. Tu ramai orang, tu penonton dia sampai kita mintak dia orang tu ber - - bukak sikit ruang untuk ni supaya pemain tu lemas. Sampai dia kerumun gelanggang sampai dah tak nampak gelanggang, nampak orang je macam tu. Sama dekat Melaka [Malaysia]. Melaka [Malaysia] buat mana pun, kalau tempat, Melaka [Malaysia] ni kan tumpuan pelancong kan? Kalau buat dekat Bandar Hilir [Melaka] *tip top* [hebat]. Memang orang tak boleh *challenge* [cabaran]. Satu [1] Malaysia kita pergi, kalau buat dekat Bandar Hilir [Melaka] memang paling *best*. Buat dekat yang pak cik cakap pak cik juara dekat Pantai Puteri [Melaka] tu masa tu gelanggang pasang siap, tu *best* [seronok]. Dia punya penonton Nauzubillah. Ye le Melaka [Malaysia] ni kan kalau kawasan-kawasan kering kan banyak. Kawasan-kawasan bersejarah kan, jadi dia tumpu dekat belah situ je memang *best* [seronok] lah. Dia jangan buat ni dekat tempat-tempat macam tak da penonton, memang tak da lah. Susah sikit lah kalau tempat jauh daripada orang ramai memang payah. Tapi kalau macam tempat dekat kampung, kalau kampung pak cik buat kejohanan. Bukan kata orang kam - - ni budak-budak, ni pak imam duduk sampai habis kejohanan.

(NNN dan NFMZ gelak serentak).

MZA: Pak imam, mantan pak imam. Dia tengok, duduk main gasing. Dia balik semahyang zuhur, kalau zuhur tu dia balik gi semahyang masjid, datang balik. Kang asar balik semahyang kang datang balik, sampai - - kang kalau maghrib kang kita berhenti lagi. Lepas isyak dia datang balik, sampai lah habis kejohanan. Pak imam, mantan pak imam tu. Dia minat. Kalau minat. Tapi kat Kandang [Melaka] kalau main gasing, apa-apa kejohanan memang komitmen. Sampai sekarang, budak-budak pun datang ramai. Pastu Kandang [Melaka] kampung pak cik ni pelapis banyak. Daripada pemain. Tapi gasing ni bukan kata apa lah, dia kalau datuk main gasing, bapak main gasing, anak dan cucu, cicit, turun, turun, turun tu mesti ada. Seni tu mesti turun. Dia pun salah satu seni, darah seni tu mesti ada. Tapi pak cik tak da, keluarga daripada pak cik sebelum-sebelum ni tak da main gasing. Pak cik je main gasing dengan adik pak cik. Asal nya adik pak cik main gasing pun pak cik marah, “Apa kau gasing kayu mati kau pergi pusing” tapi bila pak cik main lagi teruk dari dia. Dia hanya main gasing je, pak cik siap buat gasing, siap jadi jurulatih (sambil menggerakkan tangan) jadi apa, dia tak da setakat ni je pengadil. Pengadil dan pemain. Tu pun dia tak pernah wakil Melaka [Malaysia] tak pergi mana lah. Dia hanya jadi pengadil je. Yang selalu keluar Melaka [Malaysia] sebab jadi pengadil. Pak cik pengadil pun ye, jurulatih pun ye, pembuat gasing pun ye, pemain gasing pun ye. Kira habis lah dalam, dalam, dalam apa? Dalam bersangkutan dengan gasing ni semua ada lah. Kelohom, pukul habis (gelak).

(NFMZ gelak)

NNN: Okay, apakah harapan terbesar pak cik terhadap pemain gasing kepada generasi muda?

MZA: Tu lah, harapan pak cik siapa-siapa pun lah kalau datang jumpa pak cik. Apa harapan pak cik, harapan ni lah mintak-mintak anak-anak muda ni kan berminat lah. Minat, sebab main gasing ni sebenarnya banyak kita dapat banyak, banyak pengalaman, banyak kenalan. Mana-manalah dia satu [1] supaya, permainan tradisi ni tak luput dek zaman lah. Sebab banyak sebenarnya permainan tradisi ni dah luput. Dah telan dek zaman sebenarnya. Sebab gasing ni yang pak cik main ni. Ni gasing Malaysia pangkah banyak uri (sambil menunjukkan pada gasing) ni gasing yang dah diselaraskan dah, satu [1] Malaysia main, Asia Tenggara pun ada main. Asia yang termasuk main ada Sabah [Malaysia], eh Brunei [negara Asia Tenggara], *Singapore* [Singapura], Indonesia [negara Asia Tenggara]. Malaysia ada tempat-tempat yang main lah, macam Pulau _ _ _ _ ada yang main ni lah. Yang dah diseragamkan guna gasing. Yang kita dah seragamkan. Macam gasing-gasing lain pun ada, macam gasing pinang. Gasing tradisi

Selangor [Malaysia], gasing tradisi Pahang [Malaysia], gasing tradisi Negeri Sembilan [Malaysia]. Gasing tradisi Pahang [Malaysia] dengan gasing tradisi Negeri Sembilan [Malaysia], gasing tradisi Selangor dia hampir serupa. Dia orang kadang dia buat main la, dia main lah. Kadang tiga [3] tiga [3] negeri tu. Dulu Melaka [Malaysia] ada, sekarang Melaka [Malaysia] dah tak ada pasukan tu. Melaka lebih bermain kepada gasing ni, jadi gasing tradisi tu dah tak da. Jadi tu lah harapan pak cik supaya anak-anak muda ni taruk minat, pada gasing ni. Tapi banyak dah sebenar anak-anak muda ni, kampung pak cik ni ramai anak-anak muda main gasing. Tapi kampung-kampung lain susah. Macam negeri-negeri lain susah. Yang pak cik tengok yang banyak anak muda main gasing, Melaka [Malaysia] Johor [Malaysia] banyak juek. Johor [Malaysia] ada satu [1] tu anak-beranak. Bapak, anak dua [2] orang lelaki main gasing lepas tu jiran-jiran dia anak buah dia pon main gasing. Semua dekat-dekat, dia - - main gasing ni, permainan tradisi ni permainan selongkok lah. Dia permainan tu, kalau sorang boleh main, pastu kan anak si A boleh main. Si A pulak dengan si B adik beradik, dia ada anak lagi. Jadi _ _ _ _ _ dia ajak dia ajak. Jadi dia sepupu seapat, semua boleh main gasing. Kalau yang - - juara masa 2014 tu kan (sambil menggerakkan tangan) yang menang tu, yang juara tu pak saudara dengan anak buah, dalam pasukan tu. Tiga [3] pak sedara dengan satu [1] anak buah. Dalam - - (gelak) dalam pasukan tu. Hah, dia bukan orang lain. Dia dalam satu [1] darah. Dia berpusing je. Hah dia macamtu, tapi dia memang dia kalau datuk nenek dia main gasing, dia macam mana pun cucu cicit dia darah darah dia mesti ada. Berpusing. Harapan pak cik tu je supaya gasing ni permainan gasing ni tak telan ditinggal zaman supaya ada penggiat dia. Zaman ke zaman. Silih ganti - - macam pak cik ni pun dah masuk lima puluh satu [51]. Tak tahu berapa tahun boleh bertahan, kalau umur panjang mungkin boleh bertahan sepuluh [10] tahun kot. Pastu mungkin dah tak larat dah kan? Dah tua dah kan? Hah tu je lah.

NFMZ: Apakah perancangan pak cik bagi memastikan permainan gasing ini tak ditelan zaman?

MZA: Tu lah pak cik cakap tadi tu, kena lah. Buat masa ni, kena berterima kasih jugak lah dengan Jabatan Pendidikan, Jabatan Kebudayaan, JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] tu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dia beri tu lah, beri komitmen yang baguslah untuk pergi mengajar dekat sekolah sekolah tu kan supaya gasing ni tak, tak mati lah. Tak hilang. Tapi tu lah, bila kita mengajar di sekolah dengan tak da prasarana. Tak da gelanggang. Hanya dengan gasing dan tali, dengan peralatan

yang seminima yang ada. Jadi budak-budak boleh main, kenal gasing. Tapi bila had - - dia orang dah tahu, tak tahu mana nak pergi, nak main gasing dekat mana sebab tak da gelanggang. Jadi, kadang-kadang rasa macam kecewa duduk dekat situ je lah, penat kita mengajar tapi benda tu tak da kesenambungan tak da lanjutan. Orang tak pergi samoai tinggi. Kalau dekat Kandang [Melaka] dekat kampung. Dia kita ajar daripada kecik, dia pergi, pergi, pergi, pergi selagi dia ada dekat situ. Selagi dia tak keluar kampung, dia masih boleh main lagi. Selagi dia ada umur, boleh main. Tapi bila kita mengajar dekat sekolah, tu je lah. Sekolah tak ada prasarana, kawasan tak da prasarana. Jadi dia budak, budak-budak dapat main gasing, boleh main gasing, kenal gasing (sambil menggerakkan tangan) boleh pusing gasing, boleh putar gasing tapi setakat tu je. Bila habis tempoh, keluar habis. Dia pon tak tahu mana nak carik kawan main gasing, tu je lah. Jadi harapan macam Jabatan Pendidikan dan JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] tu boleh fikirkan lah. Macam mana untuk lebih mengembangkan gasing untuk negara. Untuk pak cik kalau dekat kampung, rasa pak cik tak da masalah. Kalau kampung tu ada gelanggang gasing, ada penggiat gasing, Insya-Allah. Dia boleh berkembang. Tapi boleh jadi kos dia lah. Dia melibatkan kos yang tinggi gasing. Apa sukan pun, semua sukan perlukan duit (sambil menggerakkan tangan). Tapi bila kita pandai mengira, carik *sponsor* [tajaan] ke apa ke, ada penganjur ke atau bergerak secara sendiri. Insya-Allah memang boleh bergerak. Boleh, dia takkan hilang ditelan zaman lah (berdeham).

NFMZ: Apakah cabaran yang pernah dihadapi oleh pak cik sepanjang melibatkan diri dalam bidang gasing ni?

MZA: Cabaran eh. Cabaran ni, aduhai. Kalau luka di kaki, dikopak kapek ni (gelak). Banyak sangat ni. Kalau main *game* [perlawanan] gasing dulu, bila balik juara, juara jugeot. Tapi balik gi doktor lah. *Injured* [cedera] le, makan ubat le (gelak).

(NNN dan NFMZ gelak serentak)

MZA: Macam macam lah. Kaki bengkok le kena gasing, luka berminggu-minggu. Biasa lah. Itu memang biasa. Itu cabaran-cabaran lah, sakit-sakit benda, kita bersukan main gasing, dia orang main bola patah kaki. Main gasing setakat ni tak da lah patah kaki. Tapi kawan pak cik ada yang patah kaki, ada yang luka kepala. Kena dekat atas kening pun ada. Bebudak kampung. Yang ada yang sampai pengsan-pengsan pun ada. Main gasing. Pak cik setakat ni main gasing, tak da pengsan, bengkok ada. Biasa (gelak). Bengkok, luka.

Tangan, jari terkehel tu biasa. Tu biasa, kalau setakat koyak tisu ni biasa. Tu memang cabaran-cabaran main gasing. Sebab benda berat, bersukan lasak. Masa bermain memang tak da masalah. Memang syok. Tapi bila kita dah berhenti, dah rehat dia besok tu dia datang lah. Hah macam tu lah.

NFMZ: Kalau cabaran daripada carik kayu yang berkualiti tu ada tak?

MZA: Hah yang itu memang. Kalau nak carik kayu yang berkualiti tu memang cabaran. Kalau kita pesan pada kita mintak *supplier* [pembekal] carik makan tahun hah. Bertahun, kadang setahun lebih dua [2] tahun baru dapat barang. Bukan semudah-mudah. Pastu kalau dah dapat barang, bukan boleh buat terus. Kita perlu simpan lagi. Pada pak cik ada kayu yang daripada tahun 2004, 2005, 2006 masih sekarang ada lagi, belum boleh dibuat gasing.

NFMZ: belum sesuai?

MZA: Hah dia, simpan sampai dia cukup kering. Sebab dia kita tak boleh jemur. Buat gasing ni, kayu tak boleh dijemur. Kayu ni perlu disimpan tempat yang kering. Pastikan dia kering - - secara semula jadi. Baru dia boleh jadi gasing yang nilai tinggi. Berkualiti dan bernilai tinggi.

NNN: Hah apakah kenangan yang termanis dan pahit yang sukar dilupakan oleh pak cik sepanjang penglibatan dalam bidang ni?

MZA: Paling manis. Paling manis tu lah yang pak cik cakap tu yang tu 2017 tu. Menyertai kejohanan - - dan menyertai kejohanan besar yang pertama (sambil menunjukkan jari satu) dan menjadi juara yang pertama peringkat kebangsaan. Kenangan paling pahit meniti jadi juara, kecundang di saat-saat terakhir.

(NNN gelak)

MZA: Minit-minit terakhir. Hanya sisir satu [1] mata sahaja di Kota Tinggi [Johor]. Tak silap pak cik 2009, tapi selepas 2007 la, hah tu kenangan pahit. Tu orang kata, rezeki dah dekat mulut (sambil menggerakkan tangan) tapi cicir jujuk. Tak masuk tak dapat telan. Dah ada dekat bibir dah. Tapi tak masuk tak boleh. Gigit tak dapat, dia jatuh jujuk. Dah dapat kemam, tapi tak dapat telan. Hah tu dia, perlawanan yang - - hah pengalaman yang cukup pahit lah masa tu. Memang mata kita memang dah nampak dah jadi juara tapi *last minute* [minit terakhir] kita kalah. Kecundang di akhir-akhir perlawanan. Sebab kita macam, orang kata kita kelalaian lah. Kelalaian kita sendiri menyebabkan kita

kecundang. Patut kita kena bagi komitmen yang cukup baik dalam apa-apa perlawanan. Sejak tu apa-apa *game* [perlawanan], apa-apa - - yang ni pak cik terapkan semangat pada kawan-kawan. Jangan menyerah kalah. Lepas tu kita jangan mudah ber - - berpuas. Berseronok - - sebelum apa, sebelum - - masa berakhir. Jangan cukup lah kata cukup lah. “Cukup lah tu bukan senang orang nak potong“. Jangan. Selagi mampu kita carik mata carik *point* [markah] kita carik. Kalau kita setakat berpuas hati dengan apa yang kita dapat buat masa tu, tu yang selalu kecundang tu lah. Saat-saat yang rasa cukup pedih tu, dah nak jadi juara. Tak dapat jadi juara. Tu sekali. Sekali lagi dekat Sarawak [Malaysia]. Sarawak [Malaysia] pak cik kena. Sarawak [Malaysia] dua ribu [2000] - - 2015. Dua ribu [2000] berapa, bukan 2015. Awal lagi pak cik tak ingat. Hah Sarawak [Malaysia] pun pak cik kena. *Final* [akhir] pun sama. Dekat Sarawak [Malaysia] tu *final* [akhir] dah *leading* [mengetuai] sembilan [9] kosong [0]. Kalah dua belas [12] sembilan [9]. Boleh bayang, dah *leading* [mengetuai] sembilan [9] kosong [0] kalah dua belas [12] sembilan [9] dalam masa sepuluh [10] minit. Dah *control* [kawal] pasuk - - permainan selama dua puluh [20] minit tapi oleh kerana ada se, dua [2] tiga [3] orang. Dua [2] orang dalam pasukan tu yang, sorang dalam pasukan tu yang dia macam dia rasa gugup takut *last* [terakhir] *last* [terakhir] *minute* [minit] tu habis terus. Kalah jadi dua belas [12] sembilan [9] terbalik. Hah masa tu pengurus pasukan kata, arwah pengurus pasukan abang [Ibrahim bin Ali] pak cik sendiri “Kau rugi seribu setengah dalam masa sepuluh [10] minit.” Kita hilang seribu setengah dalam masa sepuluh [10] minit. Air mata tak leh cakap lah masa tu, memang rasa ralat lah waktu tu. Hah, tu memang cukup pahit. Antara-antara yang pahit lah. Orang kata piala dah nampak, duit dah nampak tapi jatuh (sambil menggerakkan tangan ke bawah) hilang. Dah nak capai dah. Capai capai tapi tak leh capai. Orang lain capai (gelak) hah dah *last* [akhir] *last* [akhir] minit. Tu lah yang paling seronok tu lah 2007 tu lah kejohanan pertama. Penyertaan pertama. Kejohanan pertama. Juara kali pertama.

NNN: Okay. Pada pandangan pak cik, apakah kelemahan yang dapat dilihat dalam bidang gasing ni tersendiri?

MZA: Kelemahan. Kelemahan tu je lah daripada - - kelemahan ni daripada pengurus sendiri - - bukan pengurusan. Daripada segi kewangan. Kewangan tu banyak kelemahan. Kewanganlah. Apa-apa benda pun kewangan lah. bila kewangan ni tak cukup, nampak benda tu pincang lah. Kelemahan dekat situ. Tu yang paling susah lah, nak - - nak tegapkan, nak baikkkan satu [1] satu [1] pasukan tu kena ada kewangan lah. tapi bila

kewangan tak da, sebelum ni, setiap-setiap pasukan negeri, kerajaan ada bagi geran. Geran maksudnya NGO. Satu [1] satu [1] NGO persatuan-persatuan sukan ni. Kerajaan yang, kerajaan pusat akan bagi geran. Setahun tu sepuluh ribu [10000] ke, lima ribu [5000] ke. Tapi sekarang benda tu dah tak da. Bila benda tu tak da, tu yang jadi pasukan sekarang dia macam. Ada-ada pasukan dah mati. Ada pasukan dia hidup segan mati tak mau dia kata. Yang ada masa - - yang ada macam ada macam tak da. Tu yang pak cik cakap tu, kita gerak sendiri. Bergerak - - supaya pasukan ni tak mati (bunyi cicak). Kita tak mahu gasing ni mati. Jadi kita - - inisiatif sendiri untuk bergerak sendiri. Dengan _ _ _ _ _ sendiri, apa pun sendiri. Tak da apa. Kita tak perlukan harapan dengan apa tu? Dengan nilai-nilai hadiah, tak payah. Kita nak kan benda tu bergerak, jangan mati je. Tu je.

Dengan ini tamat lah sesi temu bual sejarah lisan mengenai bidang gasing bersama Encik Mohd Zaidi bin Ali. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang gasing para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.1 LOG TEMUBUAL

Masa	Perkara	Maklumat
0:00:42- 0:03:45	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh Mohd Zaidi bin Ali • Mempunyai 10 orang adik beradik dan merupakan anak yang ke-8. • Umur: 51 tahun • Bapa tokoh pernah bekerja di Jabatan Kerja Raya (JKR) dan ibunya menjadi suri rumah sepenuh masa. • Beliau sudah mendirikan rumah tangga selama 26 tahun dan mempunyai 5 orang cahaya mata. Dua daripada cahaya mata beliau merupakan penggiat dalam bidang gasing.
0:03:48- 0:07:21	Awal permulaan tercetusnya minat dalam permainan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah menceburi bidang gasing hampir 20 tahun • Tokoh mengatakan bahawa beliau merasa tercabar dengan pemain-pemain yang sudah mencecah umur lebih daripada 80 tahun dan sejak kejadian itu beliau berjinak-jinak dalam menceburi dalam permainan gasing • Pemain-pemain 80 tahun itu juga yang mengaspirasikan beliau dalam terus mencuba menceburi dalam bidang gasing • Sokongan daripada keluarga membuatkan tokoh untuk terus bersemangat dalam meneruskan minatnya dalam bidang gasing • Beliau belajar bermain gasing daripada rakan kampung
0:07:27 – 0:08:25	Pengetahuan asas bagi permainan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Gasing pangkah uri adalah gasing yang sering dimainkan di dalam perlawanan • Permainan gasing ini boleh dimainkan secara perseorangan, berganda, dan beregu. Jumlah beregu di dalam satu perlawanan adalah 10 orang dengan jumlah 8

		<p>orang pemain dan 2 orang pemain simpanan bagi kedua-dua kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kategori beregu dengan 10 orang pemain lebih terkenal berbanding kategori yang lain
0:08:29 – 0:11:38	Keaktifan dalam permainan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Perlawanan gasing ini akan sentiasa bergerak walaupun tidak mendapat bantuan daripada kerajaan • Perlawanan-perlawanan yang diadakan itu disebut sebagai liga silaturahim • Usaha pemain-pemain gasing menganjurkan perlawanan pada setiap tahun supaya permainan tradisi ini tidak ditelan zaman • Pertandingan gasing ini akan diadakan pada setiap tahun dan lebih daripada satu kali.
0:11:39 – 0:12:20	Saingan kuat	<ul style="list-style-type: none"> • Menurut tokoh, saingan kuat bagi pasukan beliau adalah dari Johor, Selangor, Johor, Perak, Pahang, Sabah dan Brunei. • Pada tahun 2017, tokoh telah mewakili Malaysia dalam perlawanan gasing yang diadakan di Sipitang, Sabah dan telah mendapat tempat ketiga.
0:12:25 – 0:13:25	Keunikan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Seboekah kayu yang dibentuk menjadi sebiji gasing • Kebolehan gasing berpusing dengan ligat dan ketahanannya
0:13:28 – 0:16:00	Kemahiran dalam membuat gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kebolehan dalam membuat gasing • Menjual hasil pembuatan gasing ke seluruh Malaysia • Harga sebiji gasing bergantung kepada kualiti kayu • Sebiji gasing yang berkualiti tidak akan mudah rosak kerana ia mempunyai ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan

0:16:01 – 0:18:11	Kos pembuatan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Menurut tokoh, harga sebiji gasing tidak terlalu mahal akan tetapi upah kerja bagi membuat sebiji gasing itu yang akan meningkatkan harga sebiji gasing • Gasing kelas C atau yang murah boleh disediakan dalam kuantiti yang banyak di dalam satu hari • Gasing kelas C jika di naik taraf ia boleh menjadi gasing kelas B tetapi gasing kelas B kalau di naik taraf ia tidak boleh menjadi kelas A • Kayu yang berkualiti terlalu mahal sehingga sebiji gasing boleh mencecah tiga ratus ringgit Malaysia
0:18:14 – 0:20:30	Jenis kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Kayu yang biasa digunakan adalah kayu halban, kayu resak, kayu keranji, kayu kempas, kayu tualang, kayu pelaga lilit, kayu sebau, dan kayu merbau. • Kayu yang berkualiti dalam pembuatan gasing ialah kayu yang keras dan liat • Pencarian kayu untuk pembuatan gasing diambil dari negeri-negeri yang mempunyai hutan tebal seperti Temerloh, Pahang.
0:20:36 – 0:26:55	Jenis-jenis gasing yang sering dibuat	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pelbagai jenis-jenis gasing antaranya ialah gasing toyol, gasing pacitan, gasing lang laut, gasing berembang, dan gasing bawang • Gasing toyol bertujuan bagi menjadi pengacau dalam perlawanan • Gasing pangkah Malaysia banyak uri dulunya dikenali sebagai gasing pangkah Malaysia
0:27:02 – 0:29:00	Proses pembuatan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Gasing berasal daripada batang pokok dan kemudian dibentuk menjadi sebongkah kayu • Kemudian, daripada sebongkah kayu itu akan dibentuk menjadi bentuk kasar sebiji gasing iaitu kayu akan ditarah

		<ul style="list-style-type: none"> • Selepas ditarah, kayu itu akan dimasukkan ke dalam mesin pelarik dan bermulalah proses pembuatan gasing sehingga terbentuk sebiji gasing yang siap sedia dipusingkan
0:29:04 – 0:30:57	Pewaris ilmu dalam pembuatan gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Anak remaja lelaki beliau turut mempunyai bakat dalam membuat gasing yang diajar sendiri oleh beliau • Terdapat beberapa jenis gasing yang mahir dibuat oleh tokoh dan anaknya • Pembuatan gasing pangkah dan gasing pusing mempunyai ciri-ciri yang berbeza mengikut kesesuaian cara bermainnya
0:30:58 – 0:33:52	Penglibatan mengajar gasing di sekolah-sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Bermula mengajar gasing di sekolah-sekolah pada tahun 2009 • Jenis gasing yang digunakan bagi mengajar pelajar sekolah adalah berbeza dengan gasing yang digunakan sewaktu perlawanan • Hal ini kerana bagi menjimatkan kos dalam penggunaan gasing kayu • Gasing khas yang digunakan dalam mengajar pelajar sekolah ialah hasil uji kaji daripada Profesor Shamsuddin yang berkhidmat di Universiti Putra Malaysia
0:33:54 – 0:36:40	Warna-warna gasing mengikut negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap negeri mempunyai warna gasing berbeza • Jika terdapat negeri-negeri yang mempunyai warna gasing yang sama, kepala gasing akan diwarnakan dengan warna putih • Beberapa buah negeri mempunyai lebih dari satu warna untuk gasing antaranya negeri Melaka
0:36:45 – 0:39:50	Bahagian-bahagian yang terdapat pada gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian-bahagian yang terdapat pada gasing ialah kepala, leher atau tengkuk, bahu, patak, dan paksi • Bahagian patak gasing pangkah akan disalut dengan besi

		<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian kepala gasing pusing akan disalut dengan besi supaya semasa pemain memangkah kepala gasing tidak akan rosak • Arah ikatan gasing adalah berbeza mengikut tangan yang digunakan oleh pemain
0:39:52 – 0:41:15	Gasing memerlukan tali untuk berpusing	<ul style="list-style-type: none"> • Gasing yang dipusingkan dengan tidak menggunakan tali tidak dipanggil gasing • Jika gasing dipusing dengan tidak menggunakan tali, urinya tidak sah dan tidak dibenarkan dalam perlawanan • Syarat sah permainan gasing ialah memusingkan gasing dengan menggunakan tali lalu ditarik
0:41:16 – 0:43:14	Kelebihan bermain gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat sihatkan badan • Mempunyai ramai kenalan di seluruh Malaysia dan negara-negara Asia tenggara yang terlibat
0:43:14 – 0:44:09	Terhad umur bermain gasing	<ul style="list-style-type: none"> • Permainan gasing ini tidak mempunyai terhad umur dan ia terbuka dari pelbagai peringkat umur
